Jabatan Antropologi dan sosiologi
84 ch
No. Kelas: T p 919
No Perolehan: 1/84
Tarikh:

# GAMBARAN BUDAYA DAN MASYARAKAT DALAM SENIKATA LAGU

CHAN PHAIK HOON

NO. MATRIK 040855

LATIHAN ILMIAH

BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN

DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK

IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

SESSI 1984

University of Malaya

## PENGHARGAAN

Saya berasa terhutang budi kepada Professor Madya Mazidah Zakaria, Pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, selaku penyelia latihan ilmiah ini, atas bimbingan dan nasihat beliau yang tidak ternilai.

Dengan setulus hati, saya ingin juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Haji Mokhtar Daud, Pengarah Penyiaran Di Angkasapuri dan Cik Yong Rafidah serta Puan Adilah Shek Omar (dari RTM) kerana telah menyediakan senarai lagu-lagu dan juga telah memberi maklumat-maklumat yang sangat diperlukan.

Kajian ini tidak juga dapat dilakukan tanpa bantuan dari Puan Habsah Hassan, Encik John Hon dan juga pihak-pihak WEA, CBS, Polygram dan Josal Musik.

Akhir sekali, tidak juga saya lupakan rakan baik saya yang juga merupakan rakan sebilik saya, Cik Lim Saw Im, yang terpaksa menanggung kebisingan dari mesin taip dan juga kerana sokongan beliau selama ini.

University of Malaya

SINOPSIS

Penumpuan utama kajian ini adalah kepada perkaitan senikata-senikata lagu dengan budaya dan masyarakat. Jadi, pengkaji bertujuan membuktikan bahawa senikata-senikata lagu memang menonjolkan unsur-unsur budaya dan masyarakat. Juga, pengkaji berminat mengetahui kategori lagu mana yang paling digemari oleh pendengar-pendengar.

Bab 1 kajian ini menjelaskan tentang objektif kajian, bidang kajian, metode kajian dan kesulitan-kesulitan yang dihadapi dalam proses menjalankan kajian. Teknik penyelidikan yang menjadi asas kajian ini ialah penganalisaan isi kandungan. Teknik lain, iaitu temubual tidak resmi juga dijalankan untuk mendapatkan data-data yang tidak boleh diperolehi melalui penganalisaan isi kandungan dan juga untuk menyemak semula maklumat-maklumat yang diperolehi.

Bab 2 dalam kajian ini menghuraikan latarbelakang pembentukan lagu serta juga menerangkan beberapa konsep yang penting bagi memahami latihan ilmiah ini, iaitu 'masyarakat', 'budaya' dan 'seni'. Teori mengenai seni dan lagu dikemukakan untuk membuktikan andaian bahawa senikata-senikata lagu dalam negara kita mencerminkan budaya dan masyarakat kita.

Bab 3 menerangkan cara-cara penganalisaan isi kandungan dijalankan. Berdasarkan dua objektif utama itu, penganalisaan-penganalisaan isi kandungan dibuat untuk menggolongkan lagu-lagu kepada kategori-kategori yang tertentu.

Bab 4 menggalurkan maklumat-maklumat yang diperolehi. Perangkaan dibuat untuk menyokong andaian-andaian kajian ini. Beberapa penjelasan juga diberikan berkenaan sifat-sifat tertentu dalam senikata-senikata lagu.

Bab 5 cuba mengaitkan teori yang dipegang dalam kajian ini dengan senikata-senikata lagu. Juga, dikemukakan jenis-jenis nilai, kepercayaan atau pegangan ugama, adat-adat istiadat dan adat resam serta penggambaran masyarakat secara fizikal.

Bab 6 memberi kesimpulan kepada keseluruhan kajian yang dijalankan. Cadangan-cadangan juga dikemukakan untuk menjadikan lagu satu jenis komunikasi yang bukan sahaja berupaya mendidik golongan muda-mudi tetapi juga berfungsi mengekalkan budaya kita.

University of Malaya

# KANDUNGAN

| | Muka Surat |
|---|---|
| Dedikasi | (i) |
| Penghargaan | (ii) |
| Sinopsis | (iii) & (iv) |
| Kandungan | (v) |
| Senarai Jadual | (vi) |
| **Bab 1** | |
| Pengenalan ............... | 1 |
| 1.1 Objektif Kajian ............... | 3 |
| 1.2 Skop Kajian ............... | 4 |
| 1.3 Metode Kajian ............... | 7 |
| 1.4 Masalah-masalah yang Dihadapi ............... | 8 |
| 1.5 Kepentingan Kajian ............... | 11 |
| **Bab 2** | |
| Teori Dan Konsep ............... | 12 |
| 2.1 Latarbelakang Pembentukan Lagu ............... | 12 |
| 2.2 Konsep Masyarakat ............... | 13 |
| 2.3 Konsep Budaya ............... | 15 |
| 2.4 Konsep Seni ............... | 18 |
| 2.5 Teori Mengenai Seni ............... | 20 |
| 2.6 Teori Mengenai Lagu ............... | 22 |
| **Bab 3** | |
| Penjelasan Cara Penganalisaan Data ............... | 24 |
| 3.1 Pembahagian Lagu-lagu Kepada Kategori-kategori dan Kriteria | 24 |
| 3.2 Kategori-kategori Jenis-jenis Lagu Dan Kriteria2 ..... | 26 |
| 3.21 Lagu Cinta ............... | 26 |
| 3.22 Lagu Nasihat ............... | 31 |

Muka Surat


3.23 Lagu Gembira .................. 32
3.24 Lagu Sedih .................. 32
3.25 Lagu Bercorak Situasi .................. 33

3.3 Cara Mengenalpasti Unsur-unsur Budaya & Masyarakat ... 35

3.31 Nilai dan Tingkahlaku .................. 36
3.32 Kepercayaan atau Pegangan Ugama .................. 38
3.33 Adat resam dan Adat Istiadat .................. 39

Bab 4

Penyampaian dan Penjelasan Data .................. 40

4.1 Penerangan Berkenaan Kategori-kategori Lagu .......... 41

4.2 Penerangan Berkenaan Unsur2 Budaya dan Masyarakat .... 44

4.3 Rumusan Tema-tema Lagu .................. 55

4.4 Penerangan Dua Makna Dalam Setengah Lagu ............. 61

4.5 Penerangan Bentuk Simbolik Dalam Senikata Lagu ....... 67

4.6 Penerangan Unsur Patriotisme Dalam Senikata Lagu ..... 68

Bab 5

Interpretasi Data-data Dan Kaitannya Dengan Teori .... 70

5.1 Unsur-unsur Budaya dan Masyarakat Dalam Senikata Lagu 70

5.2 Peranan RTM dalam Pengekalan Budaya Dan Masyarakat ... 93

Bab 6

Kesimpulan .................. 96

Bibliografi 101

Lampiran A - F


*********************

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 1 : Kategori Pembahagian Lagu ........ 43

Jadual 2 : Kategori Pembahagian Lagu-lagu Cinta ....... 45

Jadual 3 : Kekerapan Unsur Budaya Dan Masyarakat Dalam Lagu ........ 46

Jadual 4(a) : Unsur-unsur Budaya Dan Masyarakat (LPMI) ........ 50

(b) : Unsur-unsur Budaya dan Masyarakat (Syarikat Perakaman) ........ 52

Jadual 5 : Tema-tema Lagu-lagu Cinta Keciwa/Sedih ..... 57

Jadual 6 : Tema-tema Lagu-lagu Cinta Harapan ........ 58

Jadual 7 : Tema-tema Lagu-lagu Cinta Rindu ........ 59

Jadual 8 : Tema-tema Lagu-lagu Cinta Bahagia ........ 60

Jadual 9 : Tema-tema Lagu-lagu Bercorak Situasi ....... 62

Jadual 10 : Tema-tema Lagu-lagu Nasihat ........ 63

Jadual 11 : Tema-tema Lagu-lagu Gembira ........ 64

Jadual 12 : Tema-tema Lagu-lagu Sedih ........ 64

University of Malaya

BAB 1

## PENGENALAN

Lagu dan musik dilihat sebagai dua perkara yang tidak dapat dipisahkan. Tetapi lagu harus dibezakan dari musik walaupun kedua-duanya adalah tergolong dalam bidang seni.

Lagu boleh didefinasikan sebagai satu sajak pendek atau baris-baris sajak yang disesuaikan dengan iramanya dengan tujuan untuk dinyanyikan. Musik pula adalah satu seni yang melahirkan kombinasi-kombinasi bunyi yang sedap yang mempunyai irama, harmoni serta perseimbangan irama-irama (Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English, 1974). Dalam memperkatakan tentang lagu, adalah wajar untuk mengetahui tentang 'irama' untuk memisahkannya dengan 'musik'. Secara ringkas, irama adalah turutan tekanan-tekanan, bunyi-bunyi atau pergerakan-pergerakan (dalam pertuturan, musik, tarian dan sebagainya), yang lemah serta kuat dan teratur.

Lagu, lazimnya, telah dianggap sebagai hiburan bagi kebanyakan orang di mana-mana pun di dunia ini. Lagu-lagu juga terdapat dalam bentuk mazmur-mazmur, yang dinyanyikan untuk memuja Tuhan atau dewa-dewi. Lagu-lagu yang berunsur ugama ini kurang bilangannya jika dibandingkan dengan lagu-lagu berbentuk hiburan yang ada pada masa kini.

Lagu-lagu yang terdapat tidak terbatas dari segi ruang dan masa.

Ia didapati dalam kesemua masyarakat, dari yang kurang maju kepada yang maju maupun masyarakat-masyarakat tribal dan telah ujud di samping manusia sejak dahulu lagi. Lagu-lagu telah berkembang dari bentuk-bentuknya yang tidak jelas kepada lagu-lagu klasik, 'jazz', 'rock and roll', 'punk', 'disco', 'country' serta lagu-lagu sentimental.

Kini lagu menjadi satu bidang seni yang popular dan kedengaran di mana-mana dari bilik-bilik mandi hinggalah ke auditorium-auditorium serta dewan-dewan besar dan dinyanyikan oleh kanak-kanak hingga ke mereka yang remaja kepada mereka-mereka yang tua. Walaupun lagu bukannya satu unsur kehidupan seharian yang asas namun ia memberi sumbangan kepada hidup yang lebih selesa lagi dan membekalkan satu 'sanctuary' kepada mereka yang memerlukannya.

Oleh kerana ujudnya berbagai-bagai masyarakat di dunia ini, maka ujud juga perbezaan-perbezaan dari segi nilai, norma, kepercayaan, ugama, ekonomi, politik dan seterusnya. Dalam pada itu, lagu-lagu yang menjadi minat juga turut berbeza mengikut citarasa-citarasa anggota-anggota bagi sesebuah masyarakat. Tetapi dengan adanya perkembangan teknologi, maka lagu-lagu yang dicipta dalam sesebuah masyarakat dapat juga dinikmati oleh mereka-mereka di negara-negara lain. Malahan, sering berlaku juga proses diffusi di mana unsur-unsur dari masyarakat-masyarakat lain diserap ke dalam lagu-lagu tempatan.

1.1 <u>OBJEKTIF KAJIAN</u>

Fokus kajian adalah ditujukan kepada perhubungan di antara hasil-hasil lagu dengan persekelilingan. Dengan lain perkataan, tujuan menjalankan kajian ini ialah untuk mengetahui samada senikata-senikata lagu-lagu mencerminkan unsur-unsur masyarakat. Lagu sebagai satu aspek seni adalah hasil dari perbuatan manusia dan manusia sebagai ahli sesebuah masyarakat telah menyerap nilai-nilai dan norma-norma budaya. Maka, manusia dalam membentuk seni tidak dapat membebaskan diri dari memasukkan unsur-unsur budaya ke dalamnya. Oleh itu, lagu sebagai satu bidang seni sesungguhnya akan mencerminkan budaya dan masyarakat di mana ia dihasilkan.

Dalam kajian ini, penumpuan pengkaji adalah kepada aspek budaya dalam masyarakat yakni adat-adat resam dan adat-adat istiadat, kepercayaan, nilai-nilai dan dengan erti lain, melihat pola-pola tingkahlaku yang dipelajari. Oleh kerana yang dikaji adalah lagu-lagu Melayu, jadi budaya dan masyarakat Melayu di Malaysia menjadi tumpuan utama.

Pengkaji bertujuan membuktikan bahawa sesebuah lagu menjadi pilihan ramai bukan sahaja kerana irama yang mengiringinya sedap didengar ataupun lagu itu dinyanyikan oleh penyanyi-penyanyi yang terkenal tetapi juga kerana senikata-senikata dalam lagu-lagu diminati dan membawa erti kepada pendengar-pendengar. Bagi pengkaji, senikata-senikata bukan sahaja sekadar berfungsi menyedapkan sesebuah lagu bahkan berupaya menyampaikan kepada pendengar-pendengar imej dan jenis masyarakat dan budaya di negara kita.

Selain dari itu, pengkaji ingin mengemukakan bahawa pencipta-pencipta senikata-senikata lagu di Malaysia, sebagaimana anggota-anggota lain dalam masyarakat, yang telah mengalami proses sosialisasi di dalam masyarakat itu, adalah terikat kepada unsur-unsur budaya yang terdapat dalam masyarakat mereka. Anggota-anggota masyarakat adalah terkongkong kepada nilai-nilai dan norma-norma yang ujud dalam masyarakat di mana mereka dilahirkan. Justeru itu, kebanyakan pencipta cenderung menonjolkan unsur-unsur budaya mereka semasa menulis senikata-senikata lagu.

Pengkaji juga akan mengemukakan kriteria-kriteria yang diambil oleh pihak Radio dan Talivisyen Malaysia (RTM), dalam memilih dan mengharamkan setengah-setengah lagu. Penapisan lagu-lagu oleh pihak RTM secara langsung membuktikan andaian pengkaji bahawa senikata-senikata lagu mencerminkan ciri-ciri budaya dan masyarakat. Ini dapat dilihat dari dasar menapis senikata-senikata lagu yang dianggap tidak sesuai dengan norma-norma dan nilai-nilai masyarakat kita. Maka, ada kebenaran dalam membentuk andaian sedemikian.

## 1.2 SKOP KAJIAN

Pengkaji akan hanya menumpukan perhatian kepada senikata-senikata bagi lagu-lagu Melayu yang menjadi pilihan ramai sahaja, yakni lagu-lagu popular. Pengkaji telah memilih lagu-lagu dari dua sumber:-

a. Lagu-lagu dalam siaran 'Lagu-lagu Popular Minggu Ini' (LPMI) yang disiarkan melalui Rangkaian Nasional Radio Malaysia.
b. Lagu-lagu popular yang disenaraikan dan diperolehi dari Syarikat-

syarikat perakaman dan penerbitan lagu iaitu CBS Records (m) Sdn. Bhd., Polygram dan WEA Records Sdn. Bhd.

Rancangan LPMI dipilih kerana lagu-lagu yang disiarkan dalam rancangan ini adalah lagu-lagu yang paling popular yang diminta di sepanjang satu-satu minggu itu. Lagu-lagu ini tidak dipilih dan disiarkan sebarangan sahaja tetapi merupakan koleksi lagu-lagu yang paling banyak sekali diminta, yakni yang popular sekali, dalam enam rancangan-rancangan permintaan lagu iaitu:-

1. Permintaan Wanita - disiarkan pada hari Selasa.
2. Permintaan Tahniah Ucap Selamat - disiarkan pada hari Khamis.
3. Salam Mesra - disiarkan pada hari Sabtu.
4. Sampaikan Salamku - disiarkan pada hari Sabtu.
5. Permintaan Sukaramai - disiarkan tiga kali seminggu.
6. Dariku Untukmu - disiarkan tiga kali seminggu.

Penerbit-penerbit keenam-enam rancangan permintaan lagu itu dikehendaki menyenaraikan 20 buah lagu yang paling kerap diminta sepanjang satu-satu minggu. Satu perjumpaan akan diadakan pada tiap-tiap hujung minggu untuk mengumpulkan senarai-senarai lagu-lagu yang paling popular untuk disiarkan dalam Rancangan LPMI, dan dari sini, lapan buah lagu yang popular sekali diambil. Perjumpaan ini adalah dihadiri oleh anggota-anggota dalam satu panel yang terdiri dari:-

1. Penerbit Rancangan LPMI
2. Penerbit-penerbit bagi rancangan-rancangan di atas (enam semuanya)
3. Juruhebah-juruhebah bagi rancangan LPMI dan rancangan-rancangan di atas.

Oleh yang demikian, lagu-lagu Melayu yang disiarkan dalam rancangan LPMI adalah yang paling tepat untuk dianalisa dan dijadikan skop kajian kerana lagu-lagu itu merupakan kumpulan lagu-lagu yang paling kerap didengar.

Senarai lagu-lagu dari syarikat-syarikat perakaman dan penerbitan lagu dipilih setelah mendapati bahawa jumlah lagu-lagu yang diperolehi dari rancangan LPMI adalah kurang dari yang dijangkakan. Namun demikian, lagu-lagu dari syarikat-syarikat ini sesuai memandangkan bahawa mereka juga merupakan lagu-lagu popular. Lagu-lagu yang popular dalam syarikat-syarikat ini dipilih berasaskan jualan rekod-rekod.

Tumpuan masa penganalisaan senikata-senikata lagu akan meliputi jangka masa lebih kurang dua tahun iaitu dari awal tahun 1982 hingga ke akhir tahun 1983. Pengkaji akan cuba mengkaji dan menganalisa senikata-senikata lagu-lagu itu dengan berlatarbelakangkan budaya dan masyarakat Malaysia.

Oleh kerana tumpuan kajian adalah kepada senikata-senikata lagu-lagu Melayu, maka pada keseluruhannya, yang disentuh adalah mengenai budaya dan masyarakat Melayu. Ini adalah kerana yang mendengar dan meminta lagu-lagu ini untuk disiarkan serta yang membeli lagu-lagu ini hampir keseluruhannya terdiri dari orang-orang Melayu. Juga sebahagian besar pencipta-pencipta senikata lagu adalah berketurunan Melayu. Walau bagaimana pun, masyarakat dan budaya lain di Malaysia (yakni Cina dan India) juga akan disentuh sekiranya kajian ini memerlukannya.

## 1.3 METODE KAJIAN

Pengkaji telah menjalankan kajian kerjaluar untuk mendapatkan maklumat dan data-data yang diperlukan untuk latihan ilmiah ini. Kerjaluar dilakukan di Kuala Lumpur, dimana letaknya ibu pejabat Radio dan Talivisyen Malaysia serta terdapatnya pusat-pusat bagi penerbitan dan perakaman lagu. Dengan yang demikian, pengkaji boleh memperolehi senarai tajuk lagu-lagu yang disiarkan melalui LPMI kerana rancangan ini diterbitkan di Angkasapuri (RTM). Tambahan pula, pengkaji akan lebih senang mendapatkan senikata-senikata lagu dari pusat-pusat penerbitan dan perakaman lagu, seperti Polygram, WEA, JOSAL Musik dan CBS.

Dalam latihan ilmiah ini, pengkaji telah menggunakan dua metode kajian untuk mengumpulkan dan menganalisa data-data:-

1. Penganalisaan isi kandungan merupakan metode kajian yang utama. Penganalisaan isi kandungan boleh didefinasikan sebagai,

   "any research technique for making references by systematically and objectively identifying specified characteristics within text." (Stone : 1966, ms 5)

   Dalam kajian ini, yang dianalisa ialah yang berupa bahan-bahan sekundar iaitu yang terkumpul dalam bentuk penulisan, yakni senikata-senikata lagu yang dipilih. Teknik penyelidikan ini digunakan kerana ia merupakan satu-satunya teknik untuk menunjukkan samada budaya dan masyarakat Malaysia dicerminkan dalam senikata-senikata lagu-lagu Melayu atau tidak. Lagipun, dengan menggunakan teknik

ini, kesempatan diberi kepada sesiapa untuk menguji kesahan kajian ini. Melalui penganalisaan isi kandungan, data-data perangkaan boleh disediakan berdasarkan:-

a. Kategori jenis-jenis lagu Melayu bagi menunjukkan kategori mana yang paling popular.
b. Peratus senikata lagu-lagu yang mengandungi unsur-unsur budaya dan masyarakat tertentu dalam Malaysia.

2. Temubual tidak tersusun (unstructured interview) adalah teknik penyelidikan yang kedua digunakan. Metode temubual digunakan dengan cara mengadakan perbualan secara tidak resmi untuk menguatkan lagi data-data yang telah diperolehi itu. Metode ini juga telah dijalankan untuk membolehkan pengkaji mengetahui dengan lebih mendalam lapangan yang menjadi tumpuan kajian. Dengan adanya temubual ini, pengkaji berupaya memperolehi maklumat-maklumat dan data-data yang tidak boleh didapati dan dipenuhi dengan penganalisaan isi kandungan sahaja. Dalam latihan ilmiah ini, pengkaji telah mengatur tiga temubual yang tidak resmi dengan:-

a. Pihak RTM
b. Pencipta senikata lagu yang terkenal iaitu Habsah Hassan
c. Wakil dari syarikat penerbitan dan perakaman lagu iaitu John Hon (CBS).

## 1.4 MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI

Semasa kajian ini dijalankan, pengkaji telah menghadapi beberapa masalah yang sedikit-sebanyak menghalang kelicinan kajian. Walau

bagaimana pun, masalah-masalah itu telah dapat diatasi sungguhpun tidak semuanya.

Masalah yang paling besar yang telah menyekat kelicinan latihan ilmiah ini ialah kesulitan memperolehi senikata-senikata bagi lagu-lagu yang telah disiarkan itu. Walaupun banyak kerjasama diperolehi dari pihak WEA, CBS, Polygram dan Josal Musik, namun pengkaji masih tidak dapat memperolehi senikata-senikata terutama lagu-lagu yang di terbitkan oleh EMI. Sungguhpun pengkaji telah banyak membuat lawatan ke pejabat EMI dengan harapan mendapatkan senikata-senikata lagu, namun pengkaji gagal juga memperolehi data-data yang diperlukan. Oleh yang demikian, pengkaji terpaksa mencari alternatif lain yang mana boleh memakan masa untuk memperolehi senikata-senikata lagu yang dikehendaki itu.

Kajian ini telah juga dihalang oleh keadaan-keadaan di luar jangkaan pengkaji. Matlamat pengkaji untuk mengumpulkan senarai tajuk lagu-lagu yang disiarkan melalui rancangan LPMI dari Januari, 1982 hingga Disember, 1983, telah tidak dapat dipenuhi. Pihak penerbit rancangan LPMI hanya dapat membekalkan senarai lagu-lagu bagi 72 minggu dan bukan untuk 104 minggu iaitu 2 tahun. Akibatnya, pengkaji mendapati jumlah lagu-lagu yang akan dianalisa itu adalah kurang dari yang dianggarkan. Walau bagaimana pun, jumlah lagu-lagu yang terdapat itu adalah cukup untuk dianalisa dan membolehkan pengkaji memberi satu kesimpulan yang lengkap.

Selain dari itu, objektiviti menjadi satu persoalan dalam latihan

ilmiah ini kerana dengan menggunakan penganalisaan isi kandungan untuk melihat gambaran unsur-unsur budaya dan masyarakat melalui senikata-senikata lagu, maka adalah bergantung kepada persepsi pengkaji untuk membuat kesimpulan tentang kandungan senikata lagu itu. Oleh itu, dalam kajian sedemikian seseorang pengkaji tidak dapat membuat penilaian yang 'value-free' dan objektif sama sekali.

Sifat individualiti yang terdapat pada seseorang pencipta senikata lagu tidak dapat diabaikan oleh pengkaji. Justeru itu, pengkaji terpaksa mengawasi perbezaan-perbezaan penghuraian yang timbul akibat berbagai-bagai sikap. Faktor-faktor yang membawa kepada pembentukan sikap seperti emosi, keberanian, ketakutan, sensasi, perasaan cinta atau benci, kekayaan atau kemiskinan dan lain-lain, mesti diambil perhatian oleh pengkaji.

Oleh kerana tekanan masa serta pengalaman dan pengetahuan pengkaji yang terhad dalam bidang musik, pengkaji tidak dapat menjalankan kajian yang menyeluruh untuk melihat gambaran-gambaran serta kesan-kesan yang diberikan dalam cara irama sesebuah lagu itu dimainkan. Yang hanya dapat dianalisa ialah senikata-senikata lagu.

Kekurangan bahan-bahan bacaan dan rujukan mengenai kajian sedemikian telah juga menyekat kelicinan latihan ilmiah ini. Ini adalah kerana tidak adanya kajian seperti ini yang dijalankan di negara kita dan amat sedikit sekali yang dibuat di tempat-tempat lain.

Walau bagaimana pun, masalah-masalah ini telah sedikit sebanyak

dapat diatasi oleh pengkaji.

## 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini merupakan satu-satunya kajian yang cuba melihat perkaitan senikata-senikata lagu dengan budaya dan masyarakat di mana lagu-lagu itu dihasilkan serta melihat kategori jenis-jenis lagu mana yang diminati ramai. Setahu pengkaji, kajian seumpama ini belum pernah dijalankan di negara ini. Dengan demikian, latihan ilmiah ini merupakan kajian perintis. Oleh itu, adalah diharapkan bahawa langkah pertama ke arah membuat kajian sedemikian akan mendorong pengkaji-pengkaji lain untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam lagi dalam aspek ini.

Latihan ilmiah ini juga penting kerana secara tidak langsung ia menunjukkan citarasa-citarasa pemuda-pemudi yang menjadi peminat-peminat lagu-lagu Melayu. Dengan adanya kajian seumpama ini, bolehlah diketahui samada lagu-lagu Melayu pada masa kini adalah sesuai untuk didengar oleh muda-mudi kita. Selain dari itu, bolehlah didapati samada lagu-lagu kita melalui senikata-senikatanya cuba menjayakan aspirasi negara.

University of Malaya

# BAB 2

## TEORI DAN KONSEP

### 2.1 LATARBELAKANG PEMBENTUKAN LAGU

Manusia telah ujud selama lebih kurang satu juta tahun. Namun, hanya pada lima ribu tahun terkemudian ini diperolehi rekod-rekod mengenai pertuturannya dan untuk sebahagian besar tempoh ini, rekod-rekod ini didapati terlalu sedikit dan tidak mempunyai banyak maklumat. Memandangkan hal ini, maka penentuan permulaan pembentukan lagu yang tepat tidak dapat dilakukan dan sarjana-sarjana Antropologi serta ahli-ahli sains sosial yang lain hanya boleh sekadar membuat anggaran sahaja.

Mengikut Bowra, dalam bukunya 'Primitive Song",

"Late Paleolithic man had at least some sort of music. Flutes and pipes made of little marrow bones have often been found. Where music exists, dancing is not far away......and where there is dancing, there is rhythm and music and song may not be unknown."

Contoh-contoh lagu-lagu yang tertua yang boleh dikesan didapati ujud kira-kira pada pertengahan millennium ke 3 SM dalam teks-teks tertulis dari Sumeria dan Mesir. Lagu-lagu orang-orang Sumeria ini adalah samada merupakan cerita-cerita dalam sajak-sajak panjang mengenai hal-hal ketuhanan dan kosmologikal atau pada keseluruhannya, mazmur-mazmur kepada dewa-dewi. Lagu-lagu orang-orang Mesir yang paling awal pula dinyanyikan oleh askar-askar semasa Perang Pepi I pada kira-kira

2350 SM.

Walau bagaimana pun, sebelum itu sudah adanya lagu-lagu yang mungkin lebih simpel dan primitif tetapi mereka telah lenyap begitu sahaja. Pada keseluruhannya, ini adalah kerana lagu-lagu itu tidak tercatit dalam bentuk tulisan. Maka adalah mustahil untuk mengetahui permulaan bagi pembentukan lagu. Dengan demikian, mengikut Bowra lagi,

> "The trouble with the art of words, unlike its sister arts of painting and sculpture is that before the invention of writing, it is doomed to perish on the air."

Tetapi apa yang jelas ialah bahawa pembentukan dan perkembangan hasil-hasil yang berkenaan dengan kesusasteraan (seperti musik, lagu, prosa, cerita lisan) dan hasil-hasil seni dalam bentuk lukisan hanya boleh berlaku dengan adanya masa lapang (leisure). Walau betapa kuatnya dorongan seni pun, ia tidak mungkin dicerminkan selagi masa manusia itu digunakan sepenuhnya untuk memperolehi keperluan-keperluan asas hidup.

## 2.2 KONSEP MASYARAKAT

Penerangan mengenai konsep 'masyarakat' harus diberikan untuk menyenangkan penganalisaan latihan ilmiah ini.

Masyarakat telah didefinasikan sebagai satu kumpulan individu-individu yang berinteraksi di antara satu sama lain, yang lazimnya tinggal bersama-sama dalam satu kawasan yang sama serta mempunyai satu

budaya yang dipraktikkan bersama (Robertson, Ian, 1977 : 77). Dari sini, kita dapati bahawa beberapa syarat harus dipenuhi sebelum manusia boleh dikatakan hidup dalam sebuah masyarakat: biasanya mendiami satu kawasan yang sama; mesti berinteraksi antara satu sama lain; mesti juga sedikit-sebanyak mengambil bahagian dalam satu budaya yang sama serta mempunyai satu kesedaran dan 'commitment' kepada kumpulan itu.

Sifat dan organisasi sesebuah masyarakat adalah direkabentuk oleh manusia itu sendiri dan dipelajari serta dimodifikasi oleh setiap generasi baru. Struktur sosial merupakan dasar bagi kesemua masyarakat manusia, yakni setiap masyarakat mempunyai sifatnya yang tersendiri dan ternyata (hasil dari persekelilingan dan sejarahnya) tetapi kesemua masyarakat mempunyai pola perhubungan-perhubungan atau struktur sosial yang menjadikan kehidupan sosial yang lebih dapat diramalkan dan tanpa halangan. Struktur sosial merujuk kepada perhubungan-perhubungan yang diorganisasikan di antara komponen-kompenen asas dalam sistem sosial dan komponen-kompenen ini didapati dalam semua masyarakat. Kompenen-komponen struktur sosial yang paling penting ialah status, peranan, kelompok dan institusi.

Status boleh merujuk secara simpelnya kepada kedudukan-kedudukan yang ditentukan dari segi sosial dalam sebuah masyarakat. Setiap individu dalam sebuah masyarakat mempunyai satu atau lebih kedudukan yang ditentukan secara sosial. Dalam kebanyakan masyarakat, terbentuknya kelas akibat dari ketidaksamaan di antara berbagai-bagai status dan mereka yang dari satu status yang lebih kurang sama membentuk satu kelas dan akan mempunyai lebih peluang menguasai sumber-sumber kekayaan

masyarakat berbanding dengan mereka yang dari status rendah.

Peranan pula difahami sebagai bahagian atau bahagian-bahagian yang dimainkan oleh seseorang dalam masyarakatnya. Satu-satu status mempunyai satu atau lebih peranan yang bersabit dengannya. Setiap kedudukan atau status dalam masyarakat melibatkan satu set pola-pola tingkahlaku, obligasi-obligasi dan kelebihan-kelebihan yang dijangkakan - dengan kata lain, norma-norma yang menentukan bagaimana peranan-peranan dan status-status yang saling berhubungan.

Institusi-institusi pula adalah pengumpulan nilai-nilai, norma-norma, status-status, peranan-peranan dan jangkaan-jangkaan yang berkembang di sekitar keperluan-keperluan asas sebuah masyarakat. Setiap masyarakat mesti memenuhi kehendak-kehendak asas tertentu untuk terus kekal dan untuk membekalkan satu corak hidup yang memuaskan bagi ahli-ahlinya. Institusi-institusi yang terdapat dalam masyarakat berfungsi mengujudkan keharmonian dan menentukan pengekalan masyarakat. Misalnya, institusi famili mempastikan penggantian ahli-ahli dan melatih mereka yang muda; institusi keugamaan membekalkan satu set nilai-nilai serta mengadakan upacara-upacara untuk mengakui mereka dan seterusnya.

## 2.3 KONSEP BUDAYA

Budaya adalah aspek kewujudan yang menjadikan kita mempunyai persamaan dengan sekumpulan manusia dan sebaliknya pula, membezakan kita dengan kebanyakan orang lain di dunia ini.

Hoebel, A. F., telah mendefinasikan budaya sebagai sistem pola-pola tingkahlaku yang diintegrasi dan dipelajari dan yang merupakan sifat-sifat dalam sesebuah masyarakat dan yang bukannya akibat dari warisan secara biologi (dipetik dari Robertson, I., 1977 : 89). Budaya tidaklah ditetapkan secara genetik tetapi adalah sesungguhnya akibat dari ciptaan sosial dan disampaikan serta dikekalkan melalui komunikasi dan pembelajaran sahaja.

Kroeber dan Kluckhohn pula mengkonsepsikan budaya sebagai,

"consists of patterns, explicit and implicit, of and for behavior acquired and transmitted by symbols, constituting the distinctive achievements of human groups, including the embodiments in artifacts; the essential core of culture consists of traditional ideas and especially their attached values; culture systems may, on the other hand, as conditioning elements of further action (1952 : 181).

Penerangan tentang budaya yang mungkin dianggap paling mudah difahami adalah yang dibuat oleh Edward B. Tylor. Bagi Tylor, budaya adalah,

"that complex whole which includes knowledge, belief, art, morals, law, customs and any other capabilities and habits acquired by man as a member of society."

Ketiga-tiga definasi ini hanyalah beberapa di antara banyak definasi-definasi yang telah dikemukakan mengenai budaya. Yang penting di dalam definasi-definasi ini ialah keterangan bahawa pola-pola tingkahlaku dalam budaya adalah diperolehi oleh manusia dan bukannya

diwarisi secara biologi. Seseorang itu mempelajari cara tingkahlaku yang sesuai melalui interaksi dengan ahli-ahli dalam sesebuah masyarakat.

Sosialisasi adalah istilah yang digunakan untuk menghuraikan proses pembelajaran dan proses pembudayaan bagi ahli-ahli dalam sebuah masyarakat. Ia adalah satu proses yang berbeza sedikit-sebanyak bagi setiap masyarakat. Proses sosialisasi ini termasuk pengajaran dan pembelajaran segala aspek budaya. Proses bagi mempelajari budaya itu bermula sejak seseorang itu kecil lagi dan berterusan sepanjang hidupnya.

Secara keseluruhan, budaya merupakan pengelompokan manusia ke dalam kumpulan-kumpulan yang kekal di mana ahli-ahli kumpulan itu mengikut dan disatukan di bawah sesuatu 'perjanjian', undang-undang atau adat-adat tradisional. Mereka bekerjasama dan mengikut satu peraturan status, peraturan-peraturan 'etiquette' sosial, peraturan adat serta adat-adat keugamaan, undang-undang dan moral untuk membentuk tingkahlaku mereka. Pendek kata, manusia hidup dengan dipandu oleh norma-norma, adat-adat, tradisi dan peraturan-peraturan yang merupakan hasil dari interaksi di antara proses-proses organik dengan manipulasi manusia terhadap persekelilingannya.

2.4 KONSEP SENI

Seni telah dirujuk kepada "skill in performance, acquired by experience, study or observation or to the results produced by such skill (Richard L. Anderson, 1979 : 159).

Franz Boas pula mengatakan bahawa kesemua seni membawa implikasi kemahiran teknik (1940 : 535). Kemahiran yang dimaksudkan oleh kedua-dua sarjana di atas membawa erti kebolehan yang tidak dapat diperolehi secara otomatik dan samarata oleh kesemua manusia tetapi lebih kepada satu kebolehan yang mesti dimajukan oleh seseorang individu. Kedua-dua definasi ini tidak meletakkan apa-apa batasan ke atas jenis aktiviti yang dilakukan dengan mahir. Dengan yang demikian, ia termasuk bukan sahaja seni pengukiran, lukisan dan tembikar tetapi juga seni menari, menyanyi, memasak, berperang dan sebagainya.

Seorang lagi sarjana yang bernama Max Verworn, telah mengatakan bahawa seni itu adalah,

> "the faculty to express conscious processes by means created by the artist himself in such a manner that they may be perceived by our sense organs. In general sense, language, song, music, and dance are art, just as well as painting, sculpture and ornamentation." (1920 : 8)

Seni juga didefinasikan sebagai mempergunakan kemahiran untuk menggambarkan atau menyampaikan sentimen atau nilai (Honigman, 1963 : 219). Munro memberi penerangan yang lebih kurang sama apabila ia berkata

bahawa,

"Art is skill in making or doing that which is used or intended as a stimulus, the meaning it suggests or both are felt as beautiful, pleasant, emotionally moving or otherwise valuable as objects of direct experience in addition to any instrumental values they may have." (1951 : 107)

Sifat keindahan inilah (aesthetic) yang membezakan seni dari lain-lain aspek budaya.

Walaupun tidak semua seni berada dalam tahap perkembangan yang sama dalam setiap budaya, namun tidak ada masyarakat yang tidak mempunyai aktiviti-aktiviti seni. Seni telah menjadi sebahagian dari budaya sejak permulaannya lagi, sungguhpun kesan-kesan awal hasil-hasil seni adalah sedikit dan terhad kepada bentuk-bentuk seni seperti pengukiran dan lukisan.

Bentuk-bentuk seni adalah banyak dan termasuk aktiviti-aktiviti utama seperti seni-seni berbentuk 'pictorial' dan 'representational' (misalnya, lukisan dan pengukiran), seni-seni sastera (termasuk lagu-lagu, cerita dan lain-lain), seni-seni berkenaan dengan drama dan seni-seni perhiasan. Menurut Franz Boas (1955 : 349), seni timbul dari dua sumber, yakni dari "technical pursuits and from the expression of emotions and thought, as soon as these take fixed forms."

## 2.5 TEORI MENGENAI SENI

Hasil-hasil seni adalah sesungguhnya dilakukan oleh individu-individu yang bekerja bersendirian atau bekerjasama dengan individu lain. Pada keseluruhannya, kumpulan ataupun masyarakat tidak menghasilkan apa-apa pun.

Namun demikian, haruslah diingati bahawa setiap ahli seni tidak hidup terpencil; ia sentiasa merupakan ahli kepada satu-satu masyarakat dan mengambil bahagian dalam satu-satu budaya tertentu. Tingkahlaku setiap individu adalah ditentukan oleh faktor-faktor yang selang-menyelang. Di satu pihak, terdapatnya sifat-sifat yang diwarisi yang tidak dapat diubah sementara di pihak lain, adanya aspek-aspek personaliti individu yang boleh dipengaruhi oleh komuniti, misalnya melalui pembelajaran (persekelilingannya). Ini bermakna bahawa sekiranya kita memilih beberapa ahli dari satu masyarakat yang sama, dapatlah kita jangkakan reaksi yang sama dari setiap mereka sebagaimana yang disyaratkan oleh budaya mereka. Namun demikian, akibat sifat-sifat keindividuan yang spesifik yang diwarisi mereka, reaksi ini akan menunjukkan variasi juga.

Individu itu menerima berbagai-bagai kesan dari persekelilingannya dalam mana ia akan bertindak dengan menghasilkan mereka dalam bentuk-bentuk yang samada boleh dilihat ataupun didengar. Proses kreatif ini bukannya sesuatu yang mengalir dalam satu arah yang berterusan; tetapi satu arus dorongan (impulses) yang sampai kepada individu dari luar untuk diasimilasikan ke dalamnya dan dijelmakan

kepada bentuk-bentuk baru yang dapat dilihat dan didengar. Ia lebih kepada satu tindakan yang timbal-balik dan merupakan satu sifat yang sungguh rumit kerana masyarakat dan individu sering pengaruh-mempengaruhi satu sama lain.

Pengaruh masyarakat ke atas perangai individu adalah melalui pembelajaran tetapi ini mesti bersesuaian dengan sifat-sifatnya yang diwarisi (biologi). Dengan kata lain, seseorang ahli seni dalam memberi bentuk-bentuk baru kepada 'impulses' yang diterimanya akan menyelaraskan dorongan-dorongan ini dengan bentuk-bentuk yang diakui dan diterima dalam masyarakatnya. Di satu pihak, kuasa-kuasa tradisi dan bentuk tradisional adalah sangat kuat dalam masyarakat tertentu tetapi di satu pihak lain, ia tidaklah sekuat dengan adanya sifat-sifat individu yang diwarisi dan tidak boleh berubah.

Kesemua idea-idea, sentimen dan emosi-emosi yang timbul itu adalah melalui interaksi dengan ahli-ahli dalam masyarakat. Dalam hal ini, adalah wajar memperkatakan bahawa permulaan terbentuknya seni adalah hasil dari latarbelakang sosial dan kebudayaan lebih daripada ahli seni itu sendiri. Bakat ahli-ahli seni adalah juga terletak kepada keadaan sosial dan budaya mereka.

Dengan demikian, seolah-olah dikatakan seni berfungsi mengekalkan serta memperkuatkan kepercayaan-kepercayaan, adat-adat, sikap dan nilai-nilai. Hampir semua seni mempunyai fungsi ini walaupun ia mungkin lebih ternyata dalam seni-seni berbentuk tulisan. Kenyataan ini disokong oleh Phillip H. Lewis apabila beliau mempertahankan

bahawa konteks sosial seni iaitu bahagian dalam sosio-budaya dalam mana seni dibentuk dan digunakan menunjukkan perhubungan di antara seni dan budaya (1969 : 56). Jadi, seni dalam apa bentuk pun dapat mencerminkan budaya dan masyarakat di mana ia dihasilkan.

## 2.6 TEORI MENGENAI LAGU

"Whenever there is any trouble, I shall come thro' it
Thou arrows be many, I shall arrive
My heart is manly
Eternal are the heavens and earth;
old people are poorly off;
do not be afraid." (Robert H. Lowie, 1935 : 104)

Senikata lagu di atas menggambarkan sifat pahlawan Crow. Ini adalah satu di antara banyak senikata lagu yang menekankan dengan jelas unsur-unsur budaya dan masyarakat.

Lagu merupakan satu daripada dua bentuk asas kesusasteraan (dan yang satu lagi adalah cerita) dan ia didapati di mana-mana masyarakat pun dan dianggap bentuk aktiviti penulisan sastera yang mula-mula sekali. Lagu, sebagaimana bentuk seni yang lain, juga mempunyai perkaitan dengan budaya dan masyarakat. Senikata sebuah lagu dapat memberi gambaran tentang sesebuah budaya, misalnya nilai-nilai, kepercayaan, adat-adat dan lain-lain.

Seorang ahli antropologi yang bernama Alan P. Merriam, telah juga mendapati lagu dikaitkan dengan budaya apabila ia mengemukakan

University of Malaya

bahawa,

"the student (of music) can ...... learn something of the values of a culture by analysing song texts for what they express."

(1964 : 210)

Malahan lebih awal lagi, Franz Boas telah pun mempunyai pandangan sedemikian dan telah mengemukakan bahawa,

"the local culture determine what kind of experiences have a poetic value and the intensity with which they act. Poetic description appear more frequently in songs." (1955 : 327)

Bowra juga mengatakan,

"Song is shaped ultimately by the economic and social conditions in which it is born and by the needs which these create in men." (1965 : 4)

Sifat-sifat yang dicerminkan dalam lagu dan musik adalah hasil-hasil dari proses sosialisasi oleh satu proses interaksi dalam mana individu memainkan peranan yang aktif atau pasif.

University of Malaya

# BAB 3

## PENJELASAN CARA PENGANALISAAN DATA

Bab ini akan menumpukan perhatian kepada memberikan keterangan mengenai cara penganalisaan dan penyusunan data-data dan cara membuat jadual-jadual. Metodologi yang terpenting yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah penganalisaan isi kandungan dan pembentukan data-data statistikal. Kaedah menurut statistik dijalankan untuk membolehkan pengkaji membuktikan secara tegas hipotesis pengkaji.

Bagi tujuan menyenangkan pemahaman penganalisaan, maka pengkaji telah menganalisa senikata-senikata lagu dari makna yang disampaikan secara langsung. Dari temubual-temubual secara tidak resmi yang dijalankan oleh pengkaji, telah diketahui bahawa ada di antara lagu-lagu yang mempunyai maksud yang terpendam. Dengan lain perkataan, ujudnya dua maksud yang terkandung dalam sesebuah lagu. Hal ini akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam bab yang akan datang.

### 3.1 PEMBAHAGIAN LAGU-LAGU KEPADA KATEGORI-KATEGORI DAN KRITERIANYA

Langkah pertama dalam menjalankan penganalisaan ialah membentuk satu set kategori-kategori yang bersesuaian dengan tujuan-tujuan kajian ini. Kategori-kategori bagi kajian ini tidak terbit dari teori-teori atau dibentuk sewenang-sewenangnya tetapi dibentuk dengan melihat secara teliti data-data yang diperolehi dan menetapkan sifat-sifat yang biasa yang terkandung dalam data-data ini.[1] Misalnya, dalam kategori 'Lagu Nasihat', sifat yang biasa di sini ialah adanya

pengajaran, tunjukajar dan nasihat.

Dalam kajian penganalisaan isi kandungan lagu-lagu, pengkaji telah menggolongkan lagu-lagu kepada lima kategori berdasarkan senikata-senikatanya, iaitu:-

1. Lagu Cinta
2. Lagu Nasihat
3. Lagu Sedih
4. Lagu Gembira
5. Lagu bercorak Situasi

Kategori 'Lagu Cinta' pula dipecahkan lagi kepada kategori-kategori yang lebih kecil memandangkan bahawa terdapat berbagai-bagai situasi yang dihadapi dalam percintaan. Kategori-kategori yang lebih kecil ini adalah seperti berikut:-

a. Lagu Cinta Keciwa/Sedih
b. Lagu Cinta Harapan
c. Lagu Cinta Rindu
d. Lagu Cinta Bahagia

Dalam kajian ini, pembahagian kepada kategori-kategori adalah berdasarkan yunit-yunit catitan yang berupa satu perkataan atau tema. Jadi, di sini data-data (senikata-senikata lagu) dibahagikan kepada kategori dengan merujuk kepada perkataan-perkataan atau simbol-simbol yang digunakan dalam senikata-senikata lagu dan tema yang disampaikan dalam senikata-senikata itu.

University of Malaya

Pengkaji memilih pembahagian kepada kategori-kategori berdasarkan satu perkataan atau simbol memandangkan bahawa dokumen yang dikaji itu (senikata-senikata lagu) tidak panjang lebar. Dengan menggunakan cara ini, maka yang dilihat adalah perkataan atau simbol yang selari dengan ciri-ciri yang membentuk kategori itu. Misalnya, dalam kategori 'Lagu Sedih', maka pengkaji akan menumpukan perhatian kepada perkataan-perkataan seperti 'tangisan', 'sedih', 'pilu' dan sebagainya. Namun demikian, pengkaji tidak sahaja melihat perkataan atau simbol tetapi juga tema yang disampaikan dalam senikata-senikata itu. Dengan cara demikian, pengkaji menganalisa kandungan senikata sesebuah lagu itu secara menyeluruh.

3.2 KATEGORI JENIS-JENIS LAGU DAN KRITERIA-KRITERIANYA

3.21 LAGU CINTA

Secara amnya, lagu-lagu cinta merupakan lagu-lagu yang menggambarkan perasaan cinta. Di sini, perasaan cinta merujuk kepada perasaan atau berperasaan sangat berahi (iaitu asyik, kasih dan sayang) antara lelaki dengan perempuan.

Untuk mengetahui samada sesebuah lagu itu boleh dikategorikan dalam 'Lagu Cinta' atau tidak, pengkaji merujuk kepada keseluruhan tema yang disampaikan dan pada masa yang sama, memerhati perkataan atau simbol yang digunakan dalam lagu itu. Oleh kerana terdapatnya banyak situasi yang dihadapi semasa bercinta, lagu-lagu cinta pula dipecahkan lagi kepada jenis-jenis 'lagu cinta' yang berlainan (sebagaimana yang ditunjukkan di bawah).

University of Malaya

a. <u>Lagu Cinta Keciwa/Sedih</u>

Dalam kajian ini, lagu-lagu yang mana adanya diperihalkan perasaan dukacita dan pilu kerana gagal mendapatkan balasan cinta atau ditinggalkan oleh pihak lain (kekasih) setelah diberi janji-janji ataupun adanya halangan terhadap percintaan dan pergaulan kedua-dua pihak lelaki dan wanita. Halangan-halangan ini boleh disebabkan oleh perbezaan-perbezaan kedudukan dan kepercayaan, kematian satu pihak dan sebagainya.

Yang ketara di sini ialah bahawa perpisahan adalah untuk selama-lamanya dan tidak mungkin berlaku sebarang perdamaian atau pertemuan semula. Memandangkan bahawa lagu-lagu cinta yang sedih biasanya mengandungi ciri-ciri keciwa dan sebaliknya, maka dibentuk satu kategori yang sama bagi kedua-dua sifat sedih dan keciwa. Jadi, 'Lagu Cinta Keciwa/Sedih' bukan sahaja menonjolkan sifat kesedihan dalam lagu tetapi juga sifat keciwa.

Satu contoh untuk 'Lagu Cinta Keciwa/Sedih' ialah yang berbunyi,

"Nak ku nangis tak berairmata
Nak ku rayu pada siapa
Setelah aku serahkan cinta
Engkau cari kekasih yang baru
Biar aku membawa diri
Dengan hati yang keciwa."

<u>Lagu</u> : Tangis tak berairmata
<u>Penyanyi</u> : Jamal Abdillah
<u>Keluaran</u> : WEA (1983)

University of Malaya

Lagu di atas digolongkan ke dalam 'Lagu Cinta Keciwa/Sedih' kerana tema yang disampaikan itu adalah mengenai perasaan keciwa dan sedih yang dihadapi bila kekasih telah mencari teman yang baru. Selain dari itu, pengkaji juga memerhati perkataan dan simbol yang digunakan seperti 'cinta' dan 'kekasih' (agar untuk menunjukkan bahawa yang dibicarakan adalah mengenai perasaan cinta antara seorang lelaki dan perempuan), serta 'hati yang keciwa' dan 'membawa diri' (untuk menunjukkan bahawa yang diperihalkan adalah perasaan keciwa yang dihadapi dalam percintaan)

b. Lagu Cinta Harapan

Pengkaji telah mengumpulkan lagu-lagu cinta yang mana adanya unsur-unsur harapan ke dalam kategori 'Lagu Cinta Harapan'. Tema lagu-lagu cinta yang mengandungi hasrat untuk mendapatkan balasan cinta atau berharap agar hidup akan bahagia di samping kekasih ataupun ingin akan terjadinya sesuatu, misalnya dipinang dan seterusnya, dimasukkan dalam kategori lagu ini.

Sebagai contoh dalam lagu di bawah, disuarakan harapan agar kekasih tidak memencilkan diri dan bersedih jika ia meninggalkan dunia.

"Andainya aku pergi dulu sebelum mu
Janganlah kau bersedih hati
Andainya aku tiada lagi di sisimu
Janganlah kau memencil diri
Bayangkanlah masa-masa hadapan

Semasa engkau dan aku

Bermesra di langit biru

Di waktu kasih berpadu ....."

Lagu : Andainya Ku Pergi Dulu
Penyanyi : Alleycats
Keluaran : Polygrams (1982)

c. Lagu Cinta Rindu

Lagu-lagu cinta yang menghulurkan perasaan rindu atau menaruh cinta kepada kekasih akan digolongkan dalam 'Lagu Cinta Rindu'. Perasaan ini timbul mungkin disebabkan oleh pemergian kekasih ke tempat lain untuk melanjutkan pelajaran, berjuang atau berkhidmat untuk negara dan seterusnya ataupun disebabkan perasaan yang terlalu menaruh cinta kepada kekasih dan ingin berada di sampingnya setiap waktu. Harus ditekankan bahawa perpisahan dalam 'Lagu Cinta Rindu' adalah untuk sementara sahaja, berbeza dengan 'Lagu Cinta Keciwa/Sedih' di mana perpisahan adalah untuk selama-lamanya. Di dalam lagu jenis ini, cinta masih terjalin antara pasangan itu, sekadarkan mereka berpisah untuk sementara waktu kerana satu-satu sebab yang tertentu.

Perkataan atau simbol seperti 'rindu', 'ingatan', 'terbayang wajah' 'menanti' didapati biasa terdapat dalam lagu-lagu cinta yang menyatakan perasaan rindu kepada kekasih. Sebagaimana juga dengan kategori-kategori lain, penumpuan diberikan kepada keseluruhan tema yang disampaikan dan perkataan-perkataan yang digunakan, yang selari dengan tema lagu itu. Satu contoh untuk lagu jenis ini ialah yang mana memperihalkan perasaan rindu kepada kekasihnya yang melanjutkan

pelajaran ke tempat lain.

"Risaunya bila bersendirian
Semenjak kau tiada lagi disisiku
Kiranya kau ada bersama tak mungkin begini
Hidupku menanggung rindu
Selalu terbayang wajahmu.....
Bila selesai ujianmu kau pasti kembali
Untuk hidup di sampingku ......."

Lagu : Untuk Nusa Bangsa
Penyanyi : Gingerbread
Keluaran : ? (1983)

d. Lagu Cinta Bahagia

Secara amnya, lagu-lagu yang menghuraikan perasaan gembira bila mengecapi kebahagiaan dalam percintaan dikategorikan oleh pengkaji ke dalam 'Lagu Cinta Bahagia'. Untuk menggolongkan lagu-lagu ke dalam kategori ini, pengkaji meneliti tema yang disampaikan dan juga perkataan-perkataan yang digunakan. Contoh yang sesuai untuk lagu sedemikian adalah lagu yang ditunjukkan di bawah.

"Semenjak kau datang dalam hidupku
Terasa senang dalam jiwaku
Kau membawa sinar kasih yang ku tunggu
Segala yang pahit pun menjadi madu .....
Pinangku itu telah diterima
Cincin di jari menjadi tanda
Cinta dan harapan telah terlaksana
Kebahagiaan jua yang ku rasa."

Lagu : Kebahagiaan
Penyanyi : The Unwanted
Keluaran : CBS (1983)

University of Malaya

3.22 LAGU NASIHAT

Lagu-lagu yang mengandungi ajaran dan nasihat digolongkan oleh pengkaji ke dalam 'Lagu Nasihat'. Lagu-lagu bersifat nasihat ini bertujuan menyampaikan peringatan, petunjuk dan teguran. Contoh yang jelas adalah seperti di bawah.

"Jangan kau muram walaupun kecewa
Senyum-senyum selalu
Jangan putus asa
Jangan kau berduka walaupun digoda
Usahlah bersedih .....
Cubalah cuba kerjasama
Berbudilah berjasa .....
Rajin berusaha kau tentu berjaya."

Lagu : Dendang Nasihat
Penyanyi : Malek Ridzuan
Keluaran : ? (1982)

Ada pula lagu-lagu seperti ini yang menyampaikan nasihat melalui penggunaan peribahasa. Lagu-lagu bercorak nasihat ini kebanyakannya bersifat riang. Pengkaji juga menggolongkan lagu-lagu kepada kategori ini dengan berasaskan perkataan-perkataan yang digunakan. Perkataan-perkataan yang ketara yang selari dengan tema yang disampaikan melalui lagu-lagu di bawah kategori ini ialah 'jangan', 'usah', 'mesti', 'turut' dan sebagainya.

3.23 LAGU GEMBIRA

Lagu-lagu yang bertujuan menghiburkan hati yang lara digolongkan ke dalam 'Lagu Gembira'. Pengkaji telah mengumpulkan lagu-lagu yang mengandungi unsur-unsur gurau-senda, teka-teki dan peribahasa serta pantun ke dalam kategori lagu jenis ini. Satu contoh lagu bergurau-senda adalah seperti berikut.

"Jaga,jaga, jaga dirimu selalu
Hey, hey .....
(Dara) : Mengapa kau selalu pandang saya
(Teruna) : Ku pandang tiada siapa
(Dara) : Mengapa kau ikut aku ke mana saja
(Teruna) : Ikutmu, siapa yang kata."

Lagu : Teruna dan Dara
Penyanyi : Salimah dan Mirza
Keluaran : Josal Music (1982)

'Lagu Gembira' harus dibezakan daripada 'Lagu Cinta Bahagia'. Bagi 'Lagu Gembira', tidak terlibatnya soal-soal percintaan yang menjadi satu ciri penting dalam 'Lagu Cinta Bahagia'. Dalam 'Lagu Gembira', cara di mana lagu-lagu dikategorikan ke dalam golongan ini adalah lebih kepada melihat cara tema disampaikan.

3.24 LAGU SEDIH

Lagu-lagu di dalam kategori 'Lagu Sedih' berbeza dengan lagu-lagu cinta yang mengandungi unsur sedih kerana yang diperihalkan dalam lagu-lagu yang dikategorikan ke dalam 'Lagu Sedih', ialah kesedihan

yang timbul akibat sesuatu kejadian atau kemalangan dan bukan dari percintaan. Misalnya, lagu yang bertajuk 'Namun ku punya hati', yang mengisahkan tentang kecacatan tubuh-badan, dikumpulkan ke dalam 'Lagu Sedih'.

"....Hidupku yang begini
Kadar waktu di izin Tuhan
Tidak ku minta lahir ke dunia
Tidak ku duga cacat begini
Bukan ku minta kasih dan manja
Bukan ku rayu bantu simpati
Maafkan wahai teman
Ku menumpang di sudut dunia
Mencari keterangan
Sampai masa ku pergi jua."

**Lagu** : Namun Ku Punya Hati
**Penyanyi** : Revolvers
**Keluaran** : ? (1982)

3.25 **LAGU BERCORAK SITUASI**

Dalam kajian ini, 'Lagu bercorak Situasi' ini memerihalkan sesuatu keadaan ataupun seseorang tokoh dengan berasaskan sesuatu keadaan. Lagu-lagu yang memerihalkan sesuatu keadaan mungkin boleh menggambarkan suatu adat istiadat, misalnya perkahwinan.

"Sudah diinai-inaikan
Sudah diandam-andamkan
Tanda pengantin
Berseri-seri muka

Kini si dara jelita
Duduk beradat menanti
Bersanggul lintang
dan berkebaya panjang
Ramai yang duduk keliling
Mawar direnjis-renjiskan
Tanda budaya
Pengantin pun disandingkan
Duduk sejoli megahnya
Di singgahsana badaya
Sanak saudara sekeluarga bergembira
Semoga bahagia."

<u>Lagu</u> : Sudah diinai-inaikan
<u>Penyanyi</u> : A. Ramlee
<u>Keluaran</u> : ? (1983)

Lagu-lagu jenis ini boleh juga mengisahkan tentang seorang tokoh berasaskan sesuatu keadaan, seperti berikut.

"Fajar telah menyinsing
Ku harus bangkit segera
Untuk memulakan kerja
Aku menjual suratkhabar
Dari bermacam syarikat
dan bermacam bahasa .....
Aku menjual berita
Apa saja berita pokoknya berita .....
Walaupun hasil tak seberapa
Tapi siapa menyangka kerjaku mulia ....."

<u>Lagu</u> : Penjual Suratkhabar
<u>Penyanyi</u> : Kembara
<u>Keluaran</u> : Polygram (1982)

University of Malaya

Lagu-lagu yang dikategorikan ke dalam 'Lagu bercorak Situasi' kebanyakannya bersifat 'informative'. Pada keseluruhannya, lagu-lagu dalam kategori ini adalah berdasarkan kepada tema lebih daripada perkataan-perkataan atau simbol-simbol.

Perangkaan akan dibuat berdasarkan kekerapan satu-satu kategori lagu dipilih sebagai lagu popular melalui rancangan pilihan pendengar dan penjualan rekod-rekod. Ini, secara langsung, akan menunjukkan kategori lagu yang paling digemari oleh pendengar dan pencipta senikata-senikata lagu.

3.3 <u>CARA MENGENALPASTI UNSUR-UNSUR BUDAYA DAN MASYARAKAT</u>

Bagi tujuan untuk menunjukkan samada senikata-senikata lagu menggambarkan budaya dan masyarakat di negara kita, maka perangkaan dibuat untuk mengetahui berapa kerap (%) unsur-unsur budaya dan masyarakat yang terkandung dalam senikata-senikata lagu. Harus diingatkan bahawa dalam menganalisa samada sesebuah lagu itu mengandungi unsur-unsur budaya atau tidak, maka ~~yang~~ dipentingkan nilai-nilai, tingkahlaku dan kepercayaan atau pegangan ugama, yang disampaikan secara tidak langsung. Dengan itu, walaupun sesebuah lagu itu mungkin bertemakan hal-hal percintaan, namun yang ditekankan di sini ialah samada diselitkan unsur-unsur budaya dan masyarakat dalam lagu ini.

Dengan itu, dalam menganalisa kandungan senikata-senikata lagu untuk membuktikan bahawa

University of Malaya

1. mereka mencerminkan budaya dan masyarakat kita dan
2. pengarang senikata-senikata lagu sebagai anggota masyarakat, adalah terikat kepada unsur-unsur budaya dan masyarakat kita,

maka yang menjadi teras ialah nilai-nilai, tingkahlaku dan kepercayaan atau pegangan ugama pencipta-pencipta senikata-senikata lagu.

Dalam proses melihat unsur-unsur budaya yang dipegang dalam masyarakat kita melalui senikata-senikata lagu, kriteria-kriteria dalam cara penganalisaan adalah dengan

1. meneliti dan menganalisa sesebuah lagu secara baris demi baris dan kemudian dipetik rangkap atau baris yang mengandungi unsur-unsur budaya dan masyarakat serta,
2. menggunakan perkataan atau simbol sebagai satu panduan, sekiranya boleh.

3.31 <u>NILAI DAN TINGKAHLAKU</u>

Pemetikan lagu-lagu yang mencerminkan nilai-nilai yang dipegang dan tingkahlaku adalah berdasarkan pengetahuan dan pembacaan mengenai budaya dan masyarakat di negara kita, khasnya masyarakat Melayu.

Bagi menerangkan dengan jelas cara-cara membuat penganalisaan, adalah wajar diberikan contoh berikut.

"Sabar dulu, tunggu dulu aku belum bersedia
Untuk mendirikan rumahtangga
Nanti dulu fikir dulu aku belum cukup dewasa

Baru merasa alam remaja
Ayah dan ibu janganlah marah
Diriku ini belum sempurna
Jangan resah jangan bimbang
Diriku di rantau orang
Akan ku jaga maruah dan nama
Sabar dulu nanti dulu hingga aku cukup belanja
Akan ku turut katamu nanti
Jangan kita terburu-buru ayah ibu jangan susah
Jika ada jodoh ku kawin juga."

<u>Lagu</u> : Ragam Remaja
<u>Penyanyi</u> : The Klangs
<u>Keluaran</u> : ? (1982)

Dari contoh di atas, diperhatikan bahawa dua nilai yang berbeza ditonjolkan, iaitu nilai yang dipegang oleh golongan yang lebih tua (ayah dan ibu dalam teks di atas) dan nilai yang dipegang oleh golongan remaja. Di sini, dicerminkan keinginan golongan tua agar anak mereka segera mendirikan rumahtangga. Ini memang selari dengan yang ada dalam masyarakat kita di mana anak-anak muda diharapkan berkahwin awal. Nilai-nilai yang dipegang oleh golongan remaja sebagaimana yang ditunjukkan di atas, dapat dibahagikan kepada dua, iaitu nilai yang berubah dan yang diperturunkan dan masih kekal.

Golongan muda tidak lagi ingin berkahwin awal. Mereka ingin bersedia terlebih dahulu sebelum berumahtangga. 'Aku belum bersedia' juga menggambarkan unsur individualisma, iaitu mementingkan dirinya lebih dari ibubapa serta kemahuan untuk berdikari dan bukan lagi bergantung

University of Malaya

pada ibubapa. Ini merupakan unsur baru dalam masyarakat. Nilai yang kekal ialah bahawa penjagaan maruah dan nama sendiri bagi kepentingan nama keluarga masih dipraktikkan, bagai kata pepatah, 'seekor lembu membawa lumpur, semuanya terpalit' (seorang yang melakukan kesalahan, semuanya terlibat sama). Satu lagi nilai yang masih dikekalkan ialah anak-anak dan golongan muda, sebagaimana masa dahulu, dikehendaki menurut kata-kata orang tua ('Akan ku turut katamu nanti', dalam teks di atas).

Pada keseluruhannya, nilai-nilai yang dimaksudkan dalam kajian ini, merangkumi nilai-nilai yang masih ada dan kekal, nilai-nilai yang berubah serta juga nilai-nilai yang ideal yang diharapkan tetapi tidak semestinya diamalkan atau disemaikan.

3.32 <u>KEPERCAYAAN ATAU PEGANGAN UGAMA</u>

Pengkaji melihat unsur ini melalui perkataan atau simbol-simbol yang digunakan, seperti 'Yang Esa', 'Tuhan', 'doa', 'takdir', 'kepercayaan', 'dosa' dan 'suci'. Selain dari itu, pengkaji juga melihat keseluruhan kandungan sesebuah lagu selari dengan perkataan dan simbol -simbol yang digunakan.

Dalam kajian ini, unsur kepercayaan atau pegangan ugama yang dibincangkan, biasanya, merupakan sebahagian dari kandungan dalam senikata, iaitu mereka disampaikan sebagai sampingan dan bukan sebagai tema lagu.

University of Malaya

3.33 ADAT-ADAT RESAM DAN ADAT-ADAT ISTIADAT

Adat-adat resam dan adat-adat istiadat merupakan aspek-aspek dalam budaya dan masyarakat. Adat-adat resam dan adat-adat istiadat merupakan aturan-aturan atau upacara-upacara ataupun tingkahlaku yang menjadi kebiasaan. Jadi, tarian, jenis-jenis makanan dan pakaian tertentu boleh dianggap sebagai adat-adat resam. Adat-adat istiadat pula boleh merujuk kepada upacara-upacara bersanding, akad nikah, penyembahan dan lain-lain, dimana adanya aturan-aturan tertentu.

NOTA

1. Holsti (1969 : 95) mengatakan kategori-kategori yang dibuat semestinya mencerminkan tujuan kajian dan adalah khusus dan bebas (yang dimaksudkan dengan 'bebas' ialah bahawa nilai satu kategori tidak menentukan nilai kategori yang lain.

University of Malaya

BAB 4

## PENYAMPAIAN DAN PENJELASAN DATA

Data-data bagi kajian ini diperolehi dari dua sumber iaitu:-

1. Lagu-lagu Popular Minggu Ini (LPMI) dimana lagu-lagu dalam siaran ini adalah dipilih berasaskan berapa kerap ia diminta.
2. Syarikat perakaman dan penerbitan, iaitu Polygram dan WEA di mana lagu-lagu popular mereka adalah berdasarkan penjualan rekod yang paling banyak.

Sebanyak 146 buah lagu yang dikumpulkan di mana 90 buah (61.6%) adalah diperolehi dari LPMI dan 56 buah (38.4 %) adalah dari syarikat-syarikat perakaman dan penerbitan lagu (Senarai 146 buah lagu-lagu ini diberikan dalam Lampiran A, B, C, D, E, dan F). Sebenarnya berlaku pertindihan di mana di antara lagu-lagu yang diperolehi dari LPMI, ada yang juga disenaraikan sebagai popular oleh syarikat-syarikat perakaman lagu (sebanyak 15 buah). Oleh kerana lagu-lagu yang didapati bertindih itu tidak banyak bilangannya, maka untuk menyenangkan penganalisaan, lagu-lagu ini disebutkan dalam senarai LPMI sahaja.

Dalam bab ini, penyampaian data-data dan penjelasannya diasingkan kepada dua bahagian. Ini dilakukan berdasarkan dua tujuan utama kajian ini, yakni:-

a. menunjukkan kategori jenis lagu yang paling digemari oleh orang ramai.
b. menunjukkan samada senikata-senikata lagu mencerminkan unsur-unsur budaya dan masyarakat serta samada pencipta-pencipta senikata-

University of Malaya

senikata lagu (sebagai anggota masyarakat) adalah terikat kepada unsur-unsur budaya yang terdapat dalam masyarakat kita.

Atas hal yang demikian, penganalisaan dijalankan dari dua segi:-

a. Penganalisaan yang berasaskan keseluruhan tema sesebuah senikata lagu untuk menentukan jenis-jenis kategori di mana ia digolongkan.
b. Penganalisaan untuk menentukan samada sesebuah senikata lagu mengandungi unsur-unsur budaya yang diselitkan dan disampaikan secara tidak langsung.

Memandang kepada hal sedemikian, maka data-data dan perangkaan akan disampaikan dan diterangkan secara berasingan dengan berdasarkan dua penganalisaan ini.

4.1 PENERANGAN BERKENAAN KATEGORI-KATEGORI LAGU

Keseluruhan lagu-lagu telah digolongkan di bawah lima kategori (sebagaimana yang ditunjukkan dalam bab 3):-

1. Lagu Cinta
2. Lagu Bercorak Situasi
3. Lagu Nasihat
4. Lagu Gembira
5. Lagu Sedih

Kategori 'Lagu Cinta' pula dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan jenis lagu-lagu cinta yang lebih kecil, iaitu:-

a. Lagu Cinta Keciwa/Sedih
b. Lagu Cinta Harapan
c. Lagu Cinta Rindu

d. Lagu Cinta Bahagia

Dari Jadual 1, dapatlah dikesan bahawa lebih daripada setengah jumlah lagu-lagu yang dikaji, iaitu 91 buah (62.4 %), adalah lagu-lagu yang mempunyai kaitan dengan hal-hal cinta. Sementara itu, 25 buah lagu (17.1 %) merupakan lagu-lagu yang bercorak situasi, yakni yang mengisahkan satu keadaan atau seorang tokoh dengan berlatarbelakangkan sesuatu keadaan. Kategori lagu yang ketiga besar yang mengandungi 15 buah lagu (10.3 %) adalah 'Lagu Nasihat'. Kategori 'Lagu Gembira' pula mempunyai 10 buah lagu (6.8 %). Jenis lagu yang paling kurang didengar adalah lagu-lagu sedih yang mana punca kesedihan terbit dari kemalangan, kecacatan dan lain-lain dan <u>bukan</u> dari percintaan. Kategori ini mengandungi 5 buah lagu (3.4 %).

Yang menjadi perhatian di sini ialah bahawa lagu-lagu cinta bagi kedua-dua sumber (LPMI dan syarikat perakaman dan penerbitan lagu) sama-sama membentuk lebih kurang 60 % dari jumlah lagu bagi setiap sumber. Lagu-lagu cinta yang dikumpul dari LPMI merupakan 64.5 % (58 buah lagu) dari kesemua jumlah dan lagu-lagu cinta dari syarikat perakaman dan penerbitan lagu adalah 59 % (33 buah) dari jumlah lagu dari sumber ini. Ini dengan jelas menyokong bahawa kategori lagu yang paling popular sekali adalah 'Lagu Cinta'.

Kemudian, dalam kategori 'Lagu Cinta itu sendiri, jenis lagu yang paling digemari adalah 'Lagu Cinta Keciwa/Sedih', yang mana berjumlah 40 buah dari 91 buah lagu cinta (rujuk Jadual 2). Ini membentuk 43.9 % dari kesemua lagu-lagu cinta. 'Lagu Cinta Harapan' pula

## JADUAL 1

| KATEGORI 2 LAGU / SUMBER LAGU | CINTA | | SITUASI | | NASIHAT | | GEMBIRA | | SEDIH | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | BIL | % | BIL | % | BIL | % | BIL | % | BIL | % | |
| 1. Lagu-lagu Popular Minggu Ini | 58 | 64.5 | 13 | 14.4 | 11 | 12.2 | 6 | 6.7 | 2 | 2.2 | 90 |
| 2. Syarikat Perakaman dan Penerbitan Lagu | 33 | 59 | 12 | 21.4 | 4 | 7.1 | 4 | 7.1 | 3 | 5.4 | 56 |
| JUMLAH | 91 | 62.4 | 25 | 17.1 | 15 | 10.3 | 10 | 6.8 | 5 | 3.4 | 146 |

KATEGORI PEMBAHAGIAN LAGU



University of Malaya

merangkumi 32 buah (35.2 %) kesemuanya. 'Lagu Cinta Rindu' merupakan jenis lagu cinta yang ketiga penting dari segi kepopularan dengan 10 buah lagu (11 %). Jumlah lagu yang terdapat dalam kategori 'Lagu Cinta Bahagia' adalah 9 buah (9.9 %) kesemuanya.

Adalah diperhatikan dari Jadual 2 bahawa kedudukan kepopularan satu-satu kategori jenis lagu cinta adalah lebih kurang sama bagi kedua-dua sumber lagu-lagu itu. Ini menandakan bahawa kepopularan satu-satu jenis lagu cinta sesungguhnya boleh dikatakan selari samada didengar melalui siaran-siaran radio ataupun melalui rekod-rekod atau kaset. Ini juga menunjukkan bahawa pendengar-pendengar lagu samada yang meminta lagu-lagu kegemaran melalui rancangan-rancangan radio atau yang membeli rekod-rekod ataupun kedua-dua, adalah sememangnya mempunyai citarasa yang sama.

4.2 PENERANGAN BERKENAAN UNSUR-UNSUR BUDAYA DAN MASYARAKAT

Dari jumlah 146 lagu yang dikaji, 91 buah (62.3 %) didapati mengandungi unsur-unsur budaya dan masyarakat (rujuk Jadual 3). Dengan lain perkataan, lagu-lagu ini menonjolkan nilai-nilai (termasuk norma-norma dan tingkahlaku), kepercayaan atau pegangan ugama, adat-adat resam dan adat-adat istiadat serta gambaran masyarakat secara fizikal. Juga tidak ketinggalan ialah sifat patriotisme dan peribahasa, pantun dan simpulan bahasa. Dari 91 buah lagu-lagu ini, 60 buah (66.7 %) adalah lagu-lagu dari LPMI sementara 31 buah (55.4 %) adalah dari syarikat-syarikat perakaman dan penerbitan lagu.

JADUAL 2

| KATEGORI2 LAGU / SUMBER LAGU | KECIWA | | HARAPAN | | RINDU | | BAHAGIA | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | BIL | % | BIL | % | BIL | % | BIL | % | |
| 1. Lagu-lagu Popular Ini | 25 | 43.1 | 20 | 34.5 | 7 | 12.1 | 6 | 10.3 | 58 |
| 2. Syarikat Perakaman dan Penerbitan | 15 | 45.4 | 12 | 36.4 | 3 | 9.1 | 3 | 9.1 | 33 |
| JUMLAH | 40 | 43.9 | 32 | 35.2 | 10 | 11 | 9 | 9.9 | 91 |

KATEGORI PEMBAHAGIAN LAGU-LAGU CINTA

University of Malaya

JADUAL 3

| SUMBER LAGU | YANG MEMPUNYAI UNSUR2 BUDAYA & MASYARAKAT | | YG TIDAK MEMPUNYAI UNSUR2 BUDAYA & MASYARAKAT | | JUMLAH LAGU |
|---|---|---|---|---|---|
| | BIL | % | BIL | % | |
| 1. Lagu-lagu Popular Minggu Ini (LPMI) | 60 | 66.7 | 30 | 33.3 | 90 |
| 2. Syarikat-syarikat Perakaman dan Penerbitan Lagu | 31 | 55.4 | 25 | 44.6 | 56 |
| JUMLAH | 91 | 62.3 | 55 | 37.7 | 146 |

KEKERAPAN UNSUR BUDAYA DAN MASYARAKAT DALAM LAGU

University of Malaya

Harus dijelaskan bahawa sesebuah senikata lagu boleh mengandungi lebih dari satu unsur budaya dan masyarakat. Contoh untuk menerangkan ini boleh dilihat dari lagu di bawah.

"Begitu lama ku tinggalkan kampung laman ayah bonda
Tiba masanya ku kembali bertemu mereka
Inginku menghilangkan kerunsingan
Hasrat hati mencari kedamaian
Menyaksikan keindahan alam
Nan terbentang ciptaan Tuhan
Hidup di desa tentu sahaja tidak seperti di kota
Kalau di sana, ku ikuti pepatah orang tua
Menyusun tari mengikut irama
Sesuaikan diri mana berada
Pastikan berbangga ibuku
Aku tetap seperti dulu
Alangkah bahagia di hati
Berubah wajah desaku kini
Taliair merentang sawah
Kuning padi mengilau mata
Jentera di bendang petani berdendang
Di wajah keriangan
Jalan tak berdebu menyambut pulangku
Hatiku pun terharu
Tiada lagi anak-anak bermain di sungai
Tak ku dengari kemerduan tiupan serunai
Keriangan lalu masih ku hargai

University of Malaya

Kini tak mungkin ditemui lagi
Perubahan wajah desaku memberi kehidupan baru."

Lagu : Wajah Desaku
Penyanyi : D. J. Dave
Keluaran : EMI (1981)

Lagu di atas (kategori 'Lagu bercorak Situasi'), secara tidak langsung, menunjukkan pegangan yang kuat kepada ugama (mengagungkan Tuhan dengan mengatakan "keindahan alam ..... ciptaan Tuhan") serta menggambarkan masyarakat secara fizikalnya. Berlakunya keadaan di mana orang ramai tidak lagi mahu bersawah dan kemungkinan terjadi migrasi. Walau bagaimana pun, dikatakan bahawa ia masih menghargai kehidupan di desa yang berbeza dengan di kota yang penuh kerunsingan. Tambahan pula dikatakan ia 'tetap seperti dulu' dan ini menunjukkan bahawa nilai-nilai lama sedikit-sebanyak dikekalkan. Juga, boleh kita menggambarkan keadaan-keadaan yang ada di kampung dahulunya dan perubahan yang berlaku.

Jadual 4 (a) dan 4 (b) memberikan maklumat yang lebih lanjut mengenai unsur-unsur budaya dan masyarakat yang terkandung dalam sesebuah senikata lagu. Sebagaimana yang diterangkan, sesebuah senikata lagu tidak semestinya mempunyai satu unsur budaya sahaja, tetapi boleh mengandungi dua atau lebih unsur-unsur ini. Di samping itu, tidak semua lagu mempunyai unsur-unsur ini dan terdapat sebanyak 55 buah lagu(37.7 %) yang tidak mempunyai unsur-unsur budaya dan masyarakat. Secara amnya, unsur-unsur budaya dan masyarakat yang didapati terkandung dalam lagu-lagu digolongkan kepada berikut.

1. Nilai-nilai[1]

2. Kepercayaan atau pegangan ugama

3. Adat istiadat dan adat resam

4. Sifat masyarakat secara fizikal

5. Patriotisme atau sifat cintakan negara

6. Pantun, peribahasa dan Simpulan Bahasa

Dari Jadual 4 (a), diperhatikan bahawa sebanyak 60 buah lagu (66.7 %) dari kesemua 90 buah lagu dari LPMI, 46 buah (76.7 %) menonjolkan nilai-nilai. Juga, antara bilangan ini, ada 16 buah (26.7 %) yang membincangkan sedikit-sebanyak tentang kepercayaan atau pegangan pada ugama. Selain dari itu, terdapat sebanyak 8 buah lagu (13.3 %) yang menggambarkan adat-adat resam dan adat-adat istiadat dalam masyarakat. Adat yang biasa dijadikan tumpuan dalam lagu-lagu ini adalah perkahwinan. 4 buah lagu (6.7 %) pula memberikan gambaran masyarakat secara fizikal. Misalnya, dalam lagu yang baru dibincangkan, iaitu, 'Wajah Desaku', dicerminkan pemandangan dan keadaan di desa dengan sawah-sawah padi. Selain dari itu, terdapat sebanyak 4 buah lagu (6.7 %) yang mempunyai unsur patriotisme atau sifat cintakan negara. Yang patut ditekankan di sini ialah unsur ini bukan merupakan tema lagu-lagu tetapi membentuk sebahagian dalam lagu itu sahaja. Misalnya, dalam lagu 'Kekasihku Perwira Negara' (kategori 'Lagu Cinta Gembira'), sifat ini ditonjolkan dalam rangkap kelima sahaja, iaitu,

"Kini ku merasa bangga
Punya kekasih yang perwira
Menegak bangsa di Tanah Pusaka
Itulah cinta mulia."

<u>Lagu</u> : Kekasihku Perwira Negara
<u>Penyanyi</u> : Kay Hamid
<u>Keluaran</u> : CBS (1983)

JADUAL 4 (a)

| UNSUR-UNSUR / LAGU-LAGU | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) | (F) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. Bila Jauh Dari Mata | * | | | | | |
| 2. Malam Bulan di Pagar Bintang | | * | | | | * |
| 3. Usah Pergi Lagi | * | | | | | |
| 4. Coretan Buat Kekasih | * | | | | | |
| 5. Perjalanan | | * | | | | |
| 6. Tangis tak Berairmata | * | | | | | |
| 7. Kasihku tiada Dua | * | | | | | |
| 8. Berkorban Apa Saja | * | | | | | |
| 9. Kasihku Pendam Di Dalam Diam | * | | | | | |
| 10. Wajah Desaku | * | * | | * | | |
| 11. Andainya Ku Pergi Dulu | * | * | | | | |
| 12. Cik Minah Sayang | * | | * | | | |
| 13. Serampang Laut | | | | | | * |
| 14. Makan Sireh | * | | * | | | |
| 15. Joget Burung Merpati | * | | | | | |
| 16. Hati Seorang Kekasih | * | | * | | | * |
| 17. Cinta Tertahan-tahan | * | | | | | |
| 18. Mengapa Dikenang Mengapa Difikir | * | | | | | |
| 19. Kain Pelikat | * | | * | | | |
| 20. Malu-malu Sayang | * | | | | | |
| 21. Bersama Pertemuan | * | * | | | | |
| 22. Bila Wajahmu Ku Bayangkan | * | | | | | |
| 23. Zapin Mungkir Janji | | | * | | | |
| 24. Apo Nak Dikato | * | | | * | | |
| 25. Nyanyian Pantai Timur | * | * | | * | | |
| 26. Ragam Remaja | * | | | | | |
| 27. Dendang Nasihat | * | | | | * | |
| 28. Lagu-lagu Rangkaian | | | | | | * |
| 29. Dendang Remaja | * | | | | | * |
| 30. Hancurnya Istana Cinta | * | | | | | |
| 31. Sudah Diinai-inaikan | * | | * | | | |
| 32. Gadis Melayu | * | | | | | |

(Sambung)

University of Malaya

| LAGU-LAGU / UNSUR-UNSUR | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) | (F) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 33. Namun Ku Punya Hati | * | * | | | | |
| 34. Hey Kawanku | * | | | | | * |
| 35. Kelip-kelip Ku Sangka Api | * | | | | | |
| 36. Jika Kau Sayang | * | | | | | |
| 37. Sayang | * | | | | | |
| 38. Untuk Nusa Bangsa | | * | * | | * | |
| 39. Ku Cari Damai Di Hati | * | | | | | |
| 40. Cong Cong Nai | | | * | | | |
| 41. Penjual Suratkhabar | | | | * | * | |
| 42. Air Dan Api | | * | | | | |
| 43. Di Luar Jendela | * | | | | | |
| 44. Gadis Jalanan | | * | | | | |
| 45. Nota Terakhir | * | | | | | |
| 46. Zaharah | | * | | | | |
| 47. Demi Cinta Ini | | * | | | | |
| 48. Bukan Gaya Bukan Wajah | * | | | | | |
| 49. Ku Petik Bintang-bintang | * | | | | | |
| 50. Mengapa Aku Disalahkan | * | | | | | |
| 51. Rang Bulan | * | | | | | |
| 52. Penyesalan | * | | | | | |
| 53. Kebahagiaan | * | * | | | | |
| 54. Usah Turutkan | * | * | | | | * |
| 55. Dairimu Bermula | * | | | | | |
| 56. Dengan Cinta Ku Bina Istana | * | | | | | |
| 57. Kekasihku Perwira Negara | | * | | | * | |
| 58. Epilog Cinta Dari Bromley | * | * | | | | |
| 59. Teman Hati Kekasih Orang | * | | | | | |
| 60. Bersamamu | * | | | | | |
| JUMLAH | 46 | 16 | 8 | 4 | 4 | 7 |

(A) - Nilai (B) - Kepercayaan/Pegangan Ugama

(C) - Adat Istiadat dan Adat Resam (D) - Masyarakat (fizikal)

(E) - Patriotisme (F) - Pantun, Peribahasa & Simpulan Bahasa

<u>UNSUR-UNSUR BUDAYA DAN MASYARAKAT (LPMI)</u>

University of Malaya

JADUAL 4 (b)

| LAGU-LAGU \ UNSUR-UNSUR | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) | (F) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. Peristiwa Masa Remaja | * | | | | | |
| 2. Perjuangan | * | | | | | |
| 3. Di Hari Persandinganmu | * | | * | | | |
| 4. Senyumlah Kuala Lumpur | | | | | * | |
| 5. Kabar Buat Ibu | * | | * | | | |
| 6. Hanya Sekali | * | | | | | |
| 7. Express Rakyat | | | | * | | |
| 8. Insan Ternoda | * | * | | | | |
| 9. Selagi Mimpi Masih Membara | * | | | | | |
| 10. Surat Untuk Ana | * | | | | | |
| 11. Khatulistiwa | * | | | * | * | |
| 12. Cari Makan | * | * | | | | |
| 13. Satu Kapal Dua Nakhoda | * | * | | | | * |
| 14. Lautan Mana Yang Bergelora | * | | | | | |
| 15. Lain Dulu Lain Sekarang | * | | | | | |
| 16. Belada Si Pengemis | * | * | | | | |
| 17. Harum Kasturi | * | | | | * | |
| 18. Joget Selendang Bunga Cempaka | * | | * | | | |
| 19. Sepòtong Doa Untuk Ayah | * | * | | | | |
| 20. Hanya Nyanyian Dalam Sepi | * | | | | | |
| 21. Pengakuan Penyeluk Saku | | * | | | | |
| 22. Hutan Batu | * | | | | | |
| 23. Bujang Koboi | * | | | * | | |
| 24. Cinta Yang Satu | * | | | | | |
| 25. Anika Selera | | | * | | * | |
| 26. Hadirmu membawa Sinaran | * | | | | | |
| 27. Jangan Tak Jadi | * | | | | | |
| 28. Cinta Oh Cinta | * | * | | | | |
| 29. Bujang Kembali Membujang | * | * | | | | |

(Sambung)

(Sambung)

| LAGU-LAGU \ UNSUR-UNSUR | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) | (F) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 30. Ku datang dengan cinta | * | | | | | |
| 31. Andainya ku cinta lagi | * | | | | | |
| JUMLAH | 27 | 8 | 4 | 3 | 4 | 1 |

(A) - Nilai

(B) - Kepercayaan/Pegangan Ugama

(C) - Adat Istiadat dan Adat Resam

(D) - Masyarakat (fizikal)

(E) - Patriotisme

(F) - Pantun, Peribahasa dan Simpulan Bahasa

**UNSUR-UNSUR BUDAYA DAN MASYARAKAT (SYARIKAT PERAKAMAN)**

University of Malaya

Ada sebanyak 7 buah lagu (11.7 %) yang menggunakan pantun, peribahasa atau simpulan bahasa dalam menyampaikan mesej ataupun sekadar menghibur, misalnya dalam lagu yang berbentuk pantun di bawah.

"Mana si mana anak kambing saya
Si anak kambing saya makan rumput di padang
Mana si mana cinta hati saya
Cinta hati saya suka jual temberang
Can malican, can malican
Can malican ketipong payung
Burung kakak tua
Hinggap di jendela
Nenek sudah tua
Giginya tinggal dua ....."

<u>Lagu</u> : Lagu-lagu Rangkaian
<u>Penyanyi</u> : Flora Santos
<u>Keluaran</u> : ? (1982)

Satu contoh penggunaan peribahasa serta juga pantun dapat dilihat dari lagu di bawah.

"... Terbang melayang di hembus angin
Hendak mengharap hujan di langit
Air tempayan dibuang jangan
Mari belayar ke Pulau Bentan
Pasanglah layar atas perahu
Pasir berkilau ku sangka intan
Diriku ini yang tidak tahu ....."

<u>Lagu</u> : Serampang Laut
<u>Penyanyi</u> : Sharifah Aini
<u>Keluaran</u> : EMI (1983)

Dari lagu-lagu yang diperolehi dari syarikat-syarikat perakaman dan penerbitan lagu (rujuk Jadual 4 (b) ), 27 buah lagu (87.1 %) daripada jumlah 31 buah adalah menonjolkan nilai-nilai. Selain dari itu, 8 buah (25.8 %) mempunyai sifat-sifat kepercayaan atau pegangan pada ugama. Didapati 4 buah (12.9 %) menggambarkan sedikit-sebanyak adat-adat istiadat dan adat-adat resam sementara 3 buah (9.7 %) adalah lagu-lagu yang mencerminkan sifat fizikal masyarakat. Lagu-lagu dari sumber ini yang mempunyai unsur patriotisme dan menggunakan pantun, peribahasa atau simpulan bahasa, masing-masing berjumlah 4 buah (12.9 %) dan sebuah (3.2 %).

## 4.3 RUMUSAN TEMA-TEMA LAGU

Di samping menyampaikan dan menjelaskan data-data berkenaan dengan kategori-kategori lagu dan unsur-unsur budaya dan masyarakat, satu rumusan tema-tema bagi setiap kategori akan diberikan. Ini merupakan maklumat tambahan bagi tujuan memahami dengan lebih mendalam kajian ini. Secara langsung, ini memberikan kita satu gambaran kecenderungan kekerapan satu-satu tema dalam setiap kategori lagu. Sebanyak 8 buah jadual yang disediakan, iaitu 4 buah jadual (Jadual 5, 6, 7, dan 8) bagi jenis-jenis lagu cinta dalam kategori 'Lagu Cinta' dan 4 buah jadual (Jadual 9, 10, 11 dan 12) untuk kategori-kategori 'Lagu bercorak Situasi', 'Lagu Nasihat', 'Lagu Gembira' dan 'Lagu Sedih'. Bilangan tema-tema berbeza dari satu kategori ke kategori lain.

University of Malaya

Lagu-lagu cinta yang bersifat kecewa dan sedih dapat digolongkan ke dalam 5 tema di mana punca kekeciwaan dan kesedihan adalah disebabkan oleh:-

i) putusnya perhubungan tanpa alasan.

ii) putusnya perhubungan atau percintaan kerana ada kekasih baru ataupun sudah pun ada kekasih.

iii) putusnya perhubungan kerana perbezaan latarbelakang (sosial, ugama, ekonomi dan lain-lain).

iv) tidak tunaikan janji atau membuat janji palsu.

v) tidak dicintai lagi atau tidak dibalas cinta.

Terdapat 6 tema bagi 'Lagu Cinta Harapan' pula, iaitu,

i) berharap cinta akan bersemi.

ii) berharap hidup akan bahagia atau berpanjangan kasih sayang.

iii) berharap akan bersama walau apa pun terjadi.

iv) berharap akan mencari seorang teman yang sempurna.

v) berharap teman percaya akan cintanya yang satu.

vi) berharap akan diterima kembali oleh kekasih.

Tema-tema dalam 'Lagu Cinta Rindu' boleh digolongkan kepada 3 (rujuk Jadual 7) yang mana perasaan rindu yang terjadi berlaku kerana:-

i) terlalu menyintai kekasih.

ii) berjauhan dengan kekasih (disebabkan melanjutkan pelajaran, bertugas) - perpisahan buat sementara sahaja.

iii) kekasih pergi tanpa berita atau hilang.

Seterusnya, 'Lagu Cinta Bahagia' mempunyai tiga tema kesemuanya (Jadual 8), yang mana perasaan gembira adalah disebabkan:-

i) cinta sudah bersemi atau sangat cintakan kekasih.

ii) sudah bertunang atau akan berkahwin.

iii) kebangaan kepada kekasih.

## JADUAL 5

| TEMA-TEMA | Putuskan Perhubungan Tanpa Alasan | Ada Kekasih Baru / Sudah Pun Ada Kekasih | Putuskan Perhubungan Kerana Perbezaan Latarbelakang | Tidak Tunaikan Janji/ Buat Janji Palsu | Tidak Dicintai Lagi / Tidak Dibalas Cinta |
|---|---|---|---|---|---|
| | Usah Pergi Lagi | Tangis Tak Berairmata | Epilog Cinta Dari Bromley | Impian Hampa | Mengapa Aku Di-Salahkan |
| TAJUK | Mengapa | Hatiku Kau Guris Luka | Nota Terakhir | Hancurnya Istana Cinta | Siapa Yang Sudi Padaku |
| LAGU- | Oh Mengapa | Hati Seorang Kekasih | Hanya Nyanyian Dalam Sepi | Wajah-wajah Cinta | Kasihku Pendam Dalam Diam |
| LAGU | Di Luar Jendela | Teman Hati Kekasih Orang | | Ku Cari Damai Di Hati | Kelip-kelip Ku Sangka Api |
| | Noktah Bagi Cinta Ini | Cinta 3 Segi | | Gerhana | |
| | Sisa2 Cinta | Kasih Yg Tersisa | | Akhirnya Sebuah Cinta | |
| | Setahun Sudah Berlalu | Di Hari Persandinganmu | | Penyesalan | |
| | Hatiku luka Kembali | Di Perhentian Puduraya | | Ke Mana | |
| | DiLembah Danau | Cinta Yang Satu | | Sayang(Kerana Kau) | |
| | Titisan Hujan | Satu Kapal Dua Nakhoda | | Janji Palsu | |
| | Datang & Pergi | | | Zapin Mungkir Janji | |
| | Usah Diteruskan | | | | |

TEMA-TEMA LAGU-LAGU CINTA KECIWA/SEDIH

Bagi LPMI dan Syarikat Perakaman

(40 Buah Lagu • 43·9 %)

University of Malaya

JADUAL 6

| TEMA-TEMA | Berharap Cinta Akan Bersemi | Berharap Hidup Akan Bahagia / Kasih Kekal | Berharap Akan Bersama Walau Apa Pun Terjadi | Berharap Akan Mencari Teman Yang Sempurna | Berharap Akan Diterima Kembali | Berharap Teman Percaya Akan Cinta Yang Satu |
|---|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK LAGU-LAGU | Sekiranya Ku Tahu<br>Mengapa Dikenang Mengapa Difikir<br>Malu-malu Sayang<br>Jika Kau Sayang<br>Kesunyian<br>Dairimu Bermula<br>Peristiwa Masa Remaja<br>Nyanyian Sebelum Tidur<br>Surat Untuk Ana<br>Ku Datang Dengan Cinta | Coretan Buat Kekasih<br>Bersama Pertemuan Ini<br>Cinta Tertahan-tahan<br>Titisan Kasih<br>Rahsia Hati<br>Jangan Bertanya Lagi<br>Ku petik Bintang2<br>Demi Cinta Ini<br>Seimbas Wajah<br>Andainya Ku Pergi Dulu<br>Kabar Buat Ibu<br>Lagu Cinta Kita<br>Salam Sayang | Kalaulah<br>Satu percintaan<br>Lautan Mana Yang Bergelora | Ku Cari Cinta (di KL)<br>Hati Emas | Kepadamu Kekasih<br>Andainya Ku Cinta Lagi | Kasihku Tiada Dua<br>Hanya Sekali |

TEMA-TEMA LAGU-LAGU CINTA HARAPAN

Bagi LPMI dan Syarikat Perakaman

(32 Buah Lagu = 35.2%)



University of Malaya

JADUAL 7

| TEMA-TEMA | Terlalu Menyintai Kekasih | Kekasih Pergi Berjauhan (sementara) | Kekasih Pergi Tanpa Berita atau Hilang |
|---|---|---|---|
| TAJUK LAGU-LAGU | Rang Bulan<br>Ke Mana Ku Bawa Hati Yang Rindu<br>Simfoni Kasih | Bila Jauh Dari Mata<br>Untuk Nusa Bangsa<br>Gurindam Rindu<br>Zaharah<br>Salam Sayang | Rintik-rintik Hujan<br>Bayang-bayang |

TEMA-TEMA LAGU-LAGU CINTA RINDU

Bagi LPMI dan Syarikat Perakaman

(10 Buah Lagu = 11%)

University of Malaya

JADUAL 8

| TEMA-TEMA | Cinta Sudah Bersemi/ Sangat Cintakan Teman | Sudah Bertunang/ Akan Berkahwin | Kebanggaan Kepada Kekasih |
|---|---|---|---|
| TAJUK LAGU-LAGU | Dengan Cinta Ku Bina Istana<br>Hadirmu Membawa Sinaran<br>Lain Dulu Lain Sekarang<br>Senyumlah Kuala Lumpur<br>Bila Wajahmu Ku Bayangkan<br>Sayang | Kebahagiaan<br>Bersamamu | Kekasihku Perwira Negara |

**TEMA-TEMA LAGU-LAGU CINTA BAHAGIA**

**Bagi LPMI dan Syarikat Perakaman**

**(9 Buah Lagu = 9.9 %)**

University of Malaya

Bagi kategori 'Lagu bercorak Situasi' (Jadual 9), tema-tema boleh digolongkan di bawah 3 tema, iaitu:-

i) yang memperihalkan sesuatu keadaan

ii) yang memperihalkan sesuatu benda

iii) yang memperihalkan seorang tokoh berdasarkan pekerjaan, kelakuan dan lain-lain.

Selain daripada itu, 'Lagu Nasihat' (Jadual 10) dikesan dan didapati mempunyai 4 tema kesemuanya, iaitu:-

i) menasihatkan supaya jangan bersedih kerana gagal dalam percintaan.

ii) menasihatkan supaya berbuat baik, berjasa dan melakukan perbuatan yang betul.

iii) melarang dari membuat sesuatu yang tidak baik

iv) menasihatkan supaya bertaubat.

Bagi 'Lagu Gembira' (Jadual 11), dapat dikesan 2 tema sahaja, iaitu:-

i) yang bercorak gurau senda.

ii) gembira kerana sesuatu hal.

Akhir sekali, lagu-lagu dalam 'Lagu Sedih' (Jadual 12) digolongkan berdasarkan perasaan sedih yang timbul akibat:-

i) sesuatu kejadian, misalnya kecacatan.

ii) sesuatu keadaan atau situasi yang menyedihkan.

4.4 PENERANGAN DUA MAKNA DALAM SETENGAH LAGU

Sebagaimana yang diterangkan dalam bab 3, penganalisaan bahan-bahan kajian akan dibuat berdasarkan makna yang disampaikan secara terus-terang tanpa terpendam, kiasan dan lain-lain. Tujuannya adalah

University of Malaya

JADUAL 9

| TEMA-TEMA | Memperihalkan Sesuatu Keadaan | Memperihalkan Sesuatu Benda | Memperihalkan Seorang Tokoh |
|---|---|---|---|
| | Malam Bulan Di Pagar Bintang | Kain Pelikat | Nyanyian Pantai Timur |
| | Perjalanan | Keindahan Pelangi | Penjual Suratkhabar |
| TAJUK | Wajah Desaku | Layang-layang | Belada Si Pengemis |
| | Apo Nak Dikato | Kiambang | Harum Kasturi |
| LAGU- | Ragam Remaja | | |
| | Sudah Diinai-inaikan | | |
| LAGU | Aku dan Perasaanku | | |
| | Dunia Panggung Sandiwara | | |
| | Dalam Pencarian | | |
| | Merpati | | |
| | Hutan Batu | | |
| | Cinta Oh Cinta | | |
| | Cari Makan | | |
| | Perjuangan | | |
| | Angin | | |
| | Express Rakyat | | |
| | Selagi Mimpi masih Membara | | |

**TEMA-TEMA LAGU-LAGU BERCORAK SITUASI**

**Bagi LPMI dan Syarikat Perakaman**

**(25 Buah Lagu = 17.1 %)**

University of Malaya

JADUAL 10

| TEMA-TEMA | Jangan Bersedih Kerana Gagal Dalam Percintaan | Supaya Berbuat Baik | Melarang Dari Membuat Sesuatu Yang Tidak Baik | Menasihat Supaya Bertaubat |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK LAGU-LAGU | Joget Burung Merpati | Dendang Nasihat | Serampang Laut | Gadis Jalanan |
| | Makan Sireh | Dendang Remaja | Bukan Gaya Bukan Wajah | Insan Ternoda |
| | Hey Kawanku | Khatulistiwa | Air dan Api | Pengakuan Penyeluk Saku |
| | Usah Turutkan | Berkorban Apa Saja | Jangan Tak Jadi | |

TEMA-TEMA LAGU-LAGU NASIHAT

Bagi LPMI dan Syarikat Perakaman

(15 Buah Lagu = 10.3 %)

University of Malaya

JADUAL 11

| TEMA-TEMA | Gurau Senda | Terjadi Sesuatu |
|---|---|---|
| TAJUK LAGU-LAGU | Cik Minah Sayang | Gadis Melayu |
| | Chong Chong Nai | Joget Selendang Bunga Cempaka |
| | Teruna dan Dara | Bujang Koboi |
| | Lagu-lagu Rangkaian | Bujang Kembali Membujang |
| | | Dunia Ini Pesta |
| | | Anika Selera |

**TEMA-TEMA LAGU-LAGU GEMBIRA**

**Bagi LPMI dan Syarikat Perakaman**

**(10 Buah Lagu = 6.8 %)**

JADUAL 12

| TEMA-TEMA | Sesuatu Kejadian Atau Kemalangan | Sesuatu Keadaan Atau Situasi |
|---|---|---|
| TAJUK LAGU-LAGU | Namun Ku Punya Hati | Sekuntum Bunga Plastik |
| | Siapakah Memberi Khabar | Gelombang |
| | Sepotong Doa Untuk Ayah | |

**TEMA-TEMA LAGU-LAGU SEDIH**

**Bagi LPMI dan Syarikat Perakaman**

**(5 Buah Lagu = 3.4 %)**

University of Malaya

untuk tidak mengelirukan pembaca. Namun demikian, pengkaji tidak boleh mengenepikan hakikat bahawa kemungkinan ujud dua makna yang terkandung dalam sebuah lagu. Ini sememangnya terbukti dari temuduga yang dijalankan dengan pencipta senikata lagu yang terkenal, iaitu, Puan Habsah Hassan.

Menurut beliau, pada kebiasaannya, kebanyakan pengkaji menyampaikan dua makna ke dalam sesebuah senikata lagu atas beberapa sebab. Sebab yang utama adalah kerana pencipta-pencipta senikata tidak diberi kebebasan untuk menulis sebarang jenis senikata. Penulisan sesebuah senikata lagu adalah bergantung kepada dua faktor penting, iaitu:-

1. Biasanya, senikata-senikata lagu ditulis untuk disesuaikan dengan irama. Dengan kata lain, irama-irama dan musik-musik dicipta terlebih dahulu dan kemudian, barulah ditulis senikata yang dapat disesuaikan dengannya.
2. Penulisan jenis-jenis senikata lagu juga bergantung kepada pasaran, yakni, mengikut kegemaran pendengar-pendengar.

Atas hal yang demikian, makna terpendam diselitkan ke dalam sesebuah lagu sebagai satu alternatif untuk mencapaikan kepuasan kehendak dan peribadi pencipta-pencipta senikata.

Mengikut beliau lagi, sesebuah lagu secara luarannya, boleh mengisahkan cinta di antara sepasang lelaki dan wanita tetapi, secara mendalamnya, mungkin mengisahkan cinta pada Tuhan atau negara. Beliau memberi contoh sebuah lagu yang bertajuk 'Pertemuan Abadi', di mana mesej yang sebenarnya yang hendak disampaikan adalah mengenai cinta

pada Tuhan. Beberapa lagu ciptaan beliau yang terdapat dalam kajian ini, juga mempunyai dua makna. Sebagai contohnya, lagu yang bertajuk 'Ku Petik Bintang-bintang' (kategori 'Lagu Cinta Harapan') yang berbunyi,

"Ku petik bintang-bintang
Biarpun banyak halangan
Rela tempuhi segalanya
Tanah yang ku pijak bagaikan tak terasa
Ku sedar sejak mula
Tiada jalan yang mudah
Tapi ku yakin di dalam hati
Akhirnya terkata jua sumpah dan janji
Walau sukarnya bagimu, sayang
Perjalanan menyakitkan
Tapi hadapilah dengan kesabaran
Kan tiba kebahagiaan
Tiada batasannya
Usia ataupun rupa
Kita bersama memulakannya
Sehingga ke akhir kita terus berdua."

<u>Lagu</u> : Ku petik bintang-bintang
<u>Penyanyi</u> : Kenny, Remmy & Martin
<u>Keluaran</u> : WEA ( 1983)

Pada dasarnya, lagu ini memperihalkan semangat perpaduan dan keteguhan dalam usaha menyatukan berbagai-bagai ras di negara kita. Tetapi dengan sekali pandang dan dilihat secara luaran, akan kita anggap bahawa temanya adalah mengisahkan tentang percintaan kerana digunakan perkata-

an-perkataan seperti 'sayang', 'bersama' dan 'kita berdua'.

Sungguhpun terdapatnya dua makna dalam sesebuah lagu, ini terpaksa ditinggalkan memandangkan kesulitan yang terlibat dalam membuat penganalisaan. Walaupun tidak ditumpukan perhatian kepada makna yang terpendam, kenyataan bahawa pencipta-pencipta menghasilkan dan memasukkan nilai-nilai tertentu menunjukkan lagu-lagu ini sepatutnya dikaji. Tetapi yang harus ditekankan di sini ialah sekiranya dapat dikaji semua makna yang terpendam di dalam lagu-lagu yang diperolehi, sesungguhnya, akan terdapat lebih banyak lagu-lagu yang didapati mengandungi unsur-unsur budaya dan masyarakat. Ini boleh menegaskan lagi andaian bahawa lagu-lagu mencerminkan budaya dan masyarakat di mana ia dihasilkan.

## 4.5 PENERANGAN BENTUK SIMBOLIK DALAM SENIKATA LAGU

Dalam kajian ini, sebanyak 9 buah lagu (dari kedua-dua sumber lagu), iaitu bersamaan 6.2 %, yang didapati berbentuk simbolik. Lagu-lagu itu adalah disenaraikan seperti berikut:-

1. Layang-layang
2. Kiambang
3. Air dan Api
4. Angin
5. Pelangi
6. Merpati
7. Sekuntum Bunga Plastik
8. Malam Bulan di Pagar Bintang
9. Perjalanan

Pada keseluruhannya, lagu-lagu ini hanya memperihalkan sesuatu keadaan atau benda, misalnya,

"Layang-layang

Kau melayang amat indahnya

Layang-layang

Jauh tinggi di langit biru

Layang-layang

Jelajahi alam nan indah

Kau megah di angkasa

Burung-burung seakan terpegun padamu

Berkilauan warna-warnimu

Di puncak dunia

Angin lalu membawa kau kian jauh

Di celah awan nan biru

Gagah perkasa .....

Layang-layang

Kau melambang cita yang tinggi ....."

Lagu : Layang-layang

Penyanyi : Jamal Abdillah

Keluaran : WEA (1983)

## 4.6 PENERANGAN UNSUR PATRIOTISME DALAM SENIKATA LAGU

Sebanyak 8 buah lagu kesemuanya (5.5 %) yang dikesan mengandungi unsur patriotisme. Unsur patriotisme atau perasaan cintakan negara adalah digolongkan sebagai satu unsur budaya dan masyarakat, kerana senikata yang mengandungi unsur ini, sesungguhnya, bertujuan memupuk sifat patriotisme dalam diri pendengar. Lagu-lagu yang mengandungi unsur ini didapati mengagung-agungkan masyarakat dan negara kita.

University of Malaya

Misalnya,

"...Hei orang kita Khatulistiwa
Di mana juga nusantara
Bersatu kita teguh
Bercerai kita roboh
Itulah amalan hidup kita .....
Melayu, Cina, India, Serani
Bersatu jiwa bekerja sama .....
Hapuskan kawan segala sengketa
Marilah hidup dalam harmoni .....
Timurlah Barat Utara Selatan
Dari Surabaya ke Singapura
Memang tidak dapat kita nafikan
Malaysia maju dan kaya raya."

Lagu : Khatulistiwa
Penyanyi : Blues Gang
Keluaran : WEA (1983)

NOTA

1. Nilai-nilai yang dimaksudkan termasuklah nilai-nilai yang kekal dan diwariskan, nilai-nilai yang telah berubah dan nilai-nilai yang ideal (yang diharapkan dan yang baik), misalnya mengenai 'cinta yang suci', 'cinta yang satu' dan lain.
2. Unsur ini dimasukkan kerana secara amnya, pantun, peribahasa dan simpulan bahasa dibentuk dalam konteks masyarakat Malaysia dengan merujuk kepada kehidupan orang Melayu, secara khusus.

# BAB 5

## INTERPRETASI DATA-DATA DAN KAITANNYA DENGAN TEORI

Adakah senikata-senikata lagu (Melayu) yang dicipta dalam negara kita mencerminkan budaya dan masyarakat kita ? Ini menjadi persoalan unggul dan tujuan utama dalam kajian ini.

Kita boleh mengetahui struktur budaya dan masyarakat sesebuah negara, bukan sahaja, dengan merujuk kepada buku-buku dan bahan-bahan bertulis lain yang ditulis secara khusus untuk memberitahu dan membekalkan maklumat tentang budaya dan masyarakat, tetapi kita boleh mendapat tahu, secara langsung, dari bahan-bahan yang 'informal'. Senikata-senikata lagu seperti juga sajak dan lain-lain berupaya membekalkan kita dengan satu gambaran budaya dan masyarakat walaupun tidak selengkap bahan-bahan formal.

### 4.1 UNSUR-UNSUR BUDAYA DAN MASYARAKAT DALAM SENIKATA LAGU

Dari penganalisaan yang telah dijalankan, lebih dari setengah jumlah lagu yang dikaji telah memaparkan unsur-unsur budaya dan masyarakat negara kita. Jika diketahui dan dikaji makna yang terpendam dalam sesebuah lagu itu, kemungkinan didapati lebih banyak lagu-lagu lagu yang mengandungi unsur-unsur budaya dan masyarakat. Walau bagaimana pun, yang penting ialah bahawa, sesungguhnya, senikata-senikata lagu menonjolkan sifat-sifat budaya dan masyarakat kita, terutama dari nilai, anggapan dan aspek-aspek yang berkaitan dengan hidup, secara keseluruhannya.

Akan dikesan nilai-nilai, adat-adat resam dan adat-adat istiadat, kepercayaan atau pegangan ugama, yakni, pola-pola tingkahlaku dan norma-norma anggota-anggota masyarakat. Juga, adanya penggambaran keadaan fizikal masyarakat kita. Di samping menyatakan perasaan cinta, memberi nasihat, bergurau senda atau bersedih dan sebagainya, adanya nilai-nilai yang masih kelihatan dan dikekalkan. Di antara nilai-nilai yang diselitkan ini, didapati ada yang membincangkan tentang kasih yang mulia dan tidak ternoda, cinta yang suci dan bukannya kepada perasaan berahi kepada perhubungan jenis. Ini memang benar bagi contoh-contoh lagu di bawah, di mana dikatakan,

"...Sayang, setelah lama ku cari
Baru kini ku temui
Cinta yang shahdu dan murni."

Lagu : Sayang
Penyanyi : Black Dog Bone
Keluaran : ? (1981/82)

"...Jangan biarkan ku ternanti-nanti
Cinta kasih sayang bukanlah paksaan
Lahir dari jiwa
Suci dan mulia."

Lagu : Jika Kau Sayang
Penyanyi : Yusman
Keluaran : ? (1983)

"...Hanya ku harapkan darimu
Beri kasih sucimu
Tunaikan janji setiamu
Ikatan bahagia sehingga akhirnya."

Lagu : Rahsia Hati
Penyanyi : Sharifah Aini
Keluaran : EMI (1982)

"...Hadirmu membawa

Sinaran cinta yang suci

Hilanglah keresahan di jiwaku

Bahagia oh kasih

Janjiku padamu

Pengorbanan kasih suci

Bersama kejujuran

Kan ku bawa milikku, cintaku abadi." Lagu : Hadirmu Membawa Sinaran

Penyanyi : Razis Ismail

Keluaran : WEA (1982)

Ini hanya merupakan beberapa contoh dari kajian yang dijalankan yang memaparkan nilai ini. Perasaan berahi terhadap perhubungan jenis belum lagi secara terbuka diutarakan. Jika perasaan berahi terhadap perhubungan ini dibincangkan secara umum, ia semestinya tidak akan diterima dan akan ditentang hebat dan dianggap sebagai satu salah laku (misconduct) oleh masyarakat keseluruhan yang masih berpegang sedikit-sebanyak kepada nilai-nilai tradisi, walaupun masyarakat kian bertambah maju. Yang dipentingkan ialah perhubungan yang kekal dan abadi berlandaskan perasaan yang lahir dari hati dan bukannya perhubungan berbentuk 'one night stand'. Ini jelas dari contoh-contoh di bawah.

"...Bersamamu dengan penuh erti.....

Berduaan hasratku tercapai

Berdampingan kini.....

Bersamamu ibaratnya emas dan permata

Di jari manismu itulah tandanya ....." Lagu : Bersamamu

Penyanyi : Adam Ahmad

Keluaran : ? (1983)

University of Malaya

"Bila ku kenang-kenangkan
Di hari pertunangan
Cincin di jari manismu
Tandanya kau dah setuju
Ayah dan juga ibuku
Gembira dan penuh restu
Harapan tinggi menggunung....."

<u>Lagu</u> : Hancurnya Istana Cinta
<u>Penyanyi</u> : A. Ramlie
<u>Keluaran</u> : ? (1983)

"...Kau pasti kembali
Untuk hidup di sampingku
Pelamin telah pun ku tempah
Kita akan bersanding dengan penuh meriah....."

<u>Lagu</u> : Untuk Nusa Bangsa
<u>Penyanyi</u> : Gingerbread
<u>Keluaran</u> : ? (1983)

Jadi, di sini, yang ditekankan ialah perhubungan yang berpanjangan di mana ada menyentuh tentang perkahwinan atau pertunangan ataupun adanya rujukan kepada perhubungan yang kekal dan 'bahagia sehingga akhirnya'.

Satu lagi nilai yang khusus terdapat dalam masyarakat kita adalah berkait dengan kedudukan lelaki. Golongan lelaki, sememangnya, sejak dahulu mempunyai kewibawaan yang tinggi dalam kebanyakan hal. Dengan demikian, sifat kebanggaan(pride) dan kehormatan adalah ketara di kalangan mereka. Sifat-sifat kebangaan, kehormatan dan kewibawaan

University of Malaya

yang dituntut, kelihatan dalam senikata-senikata lagu bila dikatakan,

"Jangan kau siksa diriku ini
Biar derita ku tanggung sendiri .....
Tinggallah aku seorang diri
Dan membawa hati yang luka ....."

Lagu : Tangis Tak Berairmata
Penyanyi : Jamal Abdillah
Keluaran : WEA (1983)

"...Andainya engkau keciwa
Janganlah kau cari aku
Biar saja aku sendiri
Yang mencari damai di hati....."

Lagu : Ku Cari Damai Di Hati
Penyanyi : Gingerbread
Keluaran : ? (1983)

"...Cukuplah derita sengsara yangku alami
Biarlah ku pergi membawa hati ini.....
Cukup aku menderita
Ku tak ingin lagi bercinta kedua kali
Biarlah ini aku jadikan
Cubaan dalam hidup aku
Bukan maksud ku untuk berpisah denganmu."

Lagu : Datang & Pergi
Penyanyi : Sweet Charity
Keluaran : WEA (1983)

"...Biarpun harus aku tempuh rintangan
Ranjau dan duri jalanan
Kan ku tabahkan semangat untuk meneruskan cita-citaku.....

University of Malaya

Ingin rasanya aku kabarkan kepada mereka bahawa

Perjalanan ku ini belum berakhir

Selagi mimpi masih terus membara."

<u>Lagu</u> : Selagi Mimpi Masih Membara

<u>Penyanyi</u> : Raffi

<u>Keluaran</u> : Polygram (1983)

Satu lagi nilai yang dipegang ialah penghormatan yang diberi kepada orang-orang yang lebih tua, terutama, ibubapa,dan percakapan orang tua masih diturut dalam kebanyakan hal. Aspek ini bukan sahaja diperhatikan dalam kehidupan seharian malahan ia terjelma dalam seni-kata-senikata lagu itu sendiri. Misalnya,

"Kehadapan ibuku

Yang sangat ku cintai

Dengarlah kabar ini

Tentang calun menantumu

Orangnya sederhana tidak berlebihan

Tapi cergas serta pintar

Dan dia akan membantuku

Dalam urusan seharian

Usah kau bimbang tentang cinta kami.....

Harap ibu kan

Taburkan beras kunyit

Di depan halaman rumah

Menyambut kepulangan kami berdua...."

<u>Lagu</u> : Kabar Buat Ibu (tentang bakal menantu)

<u>Penyanyi</u> : Alleycats

<u>Keluaran</u> : Polygram (1982)

University of Malaya

"...Tak ku sangka
Cinta berakhir
Esok ku menunggu dan menunggu
Kabar ku terima engkau dilamar
Dari pilihan kedua orang tuamu....."

__Lagu__ : Di Perhentian Puduraya
__Penyanyi__ : Kembara
__Keluaran__ : Polygram (1983)

"Sepotong doa untukmu
Di setiap renungan.....
Setiap perjalanan
Tenanglah di fikiran
Damailah di jiwa
Salamku untukmu, ayahku....."

__Lagu__ : Sepotong Doa Untuk Ayah
__Penyanyi__ : Shahlan
__Keluaran__ : Polygram (1983)

"...Sabar dulu nanti dulu hingga aku cukup belanja
Akan ku turut katamu nanti
Jangan kita terburu-buru ayah ibu jangan susah
Jika ada jodoh ku kawin juga."

__Lagu__ : Ragam Remaja
__Penyanyi__ : The Klangs
__Keluaran__ : ? (1982)

Selain dari itu, juga dipaparkan sifat kaum wanita Melayu, yang mana digambarkan mereka sebagai yang lemah-lembut budi bahasa dan kelakuan mereka. Ini nyata dari lagu-lagu yang mana mengatakan,

"Siapa bilang gadis Melayu tak menawan .....
Lemah lembut gayanya

University of Malaya

Serta manis senyumnya, hitam pekat rambutnya

Ayu anggun si dia

Di antara gadis-gadis seluruh dunia

Tiada yang sehalus mulus dan setulus dia

Budi bahasanya, pandangan matanya

Sentuhan jiwanya membuat ku terlena." <u>Lagu</u> : Gadis Melayu

<u>Penyanyi</u> : Othman Hamzah

<u>Keluaran</u> : ? (1982)

Juga, tidak ketinggalan ialah gambaran tentang sifat malu yang terdapat di kalangan anggota-anggota masyarakat kita, terutama, kaum wanita. Ini sedikit-sebanyak adalah disebabkan oleh cara kita dipербesarkan. Yang ketara ialah bahawa sifat ini biasanya dikaitkan dengan perasaan dalam hati. Ini jelas dalam lagu-lagu di bawah.

"...Secara diam-diam aku pun mula menyayangi dirimu.....

Jika turutkan hati

Ingin aku mencurahkan perasaan

Tapi aku malu .....

Patutkah aku terus membisu

Kasihku pendam di dalam diam." <u>Lagu</u> : Kasihku Pendam Dalam Diam

<u>Penyanyi</u> : Flora Santos

<u>Keluaran</u> : ? (1983)

"...Kalaulah padaku

Rahsia di hatimu

Jangan malu padaku.....

Ku tak mengerti

Lagak bagai benci

Mungkin hati sudah setuju

Mengapakah kau masih malu-malu.....

Nyatakan hasrat di hatimu.....

Jangan malu-malu sayang."

<u>Lagu</u> : Malu-malu Sayang

<u>Penyanyi</u> : Azlina Aziz

<u>Keluaran</u> : WEA (1982)

"Dulu kita sering berjauhan

Malu-malu menyatakan

Sucinya hatimu....."

<u>Lagu</u> : Lain Dulu Lain Sekarang

<u>Penyanyi</u> : Razis Ismail

<u>Keluaran</u> : WEA (1983)

Selain dari itu, stratifikasi sosial juga ujud dari segi kedudukan kelas yang berbeza dan berlainan ugama dan bangsa. Tambahan lagi, kita juga tidak dapat ketepikan kenyataan bahawa anggota-anggota masyarakat kita kian bertambah materialistik dalam penilaian mereka, terutama, dalam hal memilih jodoh. Kesemua ini dapat dikesan dari senikata-senikata di bawah.

"...Walau sekejam ini yang ku lakukan

Sanggup berpisah demi kemanusiaan

Asal kau bahagia masa depan

Cintailah dirinya kerana ia lebih sempurna

Apalah ada padaku

Hanya nyanyian dalam sepi

Renungkan sejenak

Bezakan antara berlian dengan kaca

Yang mana lebih berharga

Pandanglah ke atas

Keluargamu di sana

University of Malaya

Turutkanlah kehendak mereka
Pergilah kepadanya
Selamat tinggal."

Lagu : Hanya Nyanyian Dalam Sepi
Penyanyi : Chris
Keluaran : Polygram (1983)

"...Kau kata kau cinta.....
Kau bukan untukku
Kau dan aku tidak mungkin berpadu
Nun di sana beribu batu
Kau ku tinggalkan bersama hatiku.....
Satu masa nanti kau akan mengerti apa maksudku.....
Ku doakan dikau bertemu
Seorang teman sejati
Yang satu aliran, satu kepercayaan
Aduhai Kathy."

Lagu : Epilog Cinta Dari Bromley
Penyanyi : Suhaimi Meor Hassan
Keluaran : ? (1983)

"...Ku bukan seorang jutawan
Yang sebagaimana engkau inginkan
Ataupun seorang cendikiawan
Yang dapat mendidik seribu insan."

Lagu : Nota Terakhir
Penyanyi : Alleycats
Keluaran : Polygrams (1983)

"Kalaulah aku pengemis di perjalanan
Sudikah kau menemaniku
Atau mahukah kau akan diriku

University of Malaya

"Akan tetapkah kau menyayangiku
Seperti mana sekarang
Kalaulah aku seperti itu
Kalaulah aku cacat anggotaku
Sudikah kau mendampingiku
Akan setiakah kau pada janjimu
Tetap berada di sisiku selalu
Seperti mana sekarang
Kalaulah aku seperti itu....."

Lagu : Kalaulah
Penyanyi : Kaliber
Keluaran : ? (1983)

Dalam kajian ini, adat-adat resam dan adat-adat istiadat tidak dapat diketepikan dalam senikata-senikata lagu. Yang disentuh dari segi adat-adat resam adalah yang sedikit-sebanyak mengenai pakaian tradisional, makanan dan tarian. Misalnya, diberitahu bahawa,

"...Kain pelikat diguna di sana sini
Pakaian istimewa, berangin-angin keliling
Kelengkapan tudung kepala
Ibu mengandung anaknya
Ke kamar rihat sesuai
Bila kenduri dipakai
Peleka buruk sekali
Bertenggung koyak.....
Kain pelikat
Sarung berihat memang selesa.....
Kain pelikat diguna semua ketika."

Lagu : Kain Pelikat
Penyanyi : Anuar & Elina
Keluaran : ? (1983)

University of Malaya

"...Mari menari joget selendang
Tangan dihayun sambil berlenggang.....
Berkain songkit, berbaju kurung
Menari budaya seni bangsa
Lenggang ke kiri
Lenggang ke kanan
Sambil berpegang tangan.....
Mari kita tari selendang
Sambil membawa bunga.....
Inilah tarian
Tarian budaya
Selendang bunga cempaka.....
Songkit kebaya baju diraja.....
Joget budaya pusaka bangsa
Jangan dilupa mari menari."

<u>Lagu</u> : Joget Selendang Bunga Cempaka
<u>Penyanyi</u> : Rozianah Baharuddin
<u>Keluaran</u> : WEA (1983)

"Kuih karas ketupat pulut
Laksa Perlis dan pulut panggang
Makannya jangan berebut
Gigi yang rapat menjadi renggang
Pulut lemang rasa lemak.....
Jika dimakan banyak-banyak
Tak sedar mata mengantuk
Kuih-muih di negara kita
Digemari semua

Sedap makan setiap masa

Beranika selera

Bahulu tumpi telur pindang.....

Jala emas nasi kerabu

Makan sekali ingin sekali

Dodol lemak kuih koci

Nasi tumpang dan nasi dagang.....

Pulut sambal buah Melaka

Karipap dan juga seri muka

Makan satu tambah dua

Muka yang masam ketawa ria."

Lagu : Anika Selera
Penyanyi : Razis Ismail
Keluaran : WEA (1982)

Adat-adat istiadat yang dibicarakan adalah keseluruhannya mengenai adat istiadat perkahwinan. Walaupu, tidak semua huraian mengenai adat istiadat diberikan secara lengkap, namun adanya rujukan sedemikian menyokong kenyataan bahawa senikata-senikata lagu mencerminkan unsur-unsur budaya dan masyarakat. Lagu-lagu yang menggambarkan unsur ini adalah seperti berikut.

"Sudah diinai-inaikan, sudah diandam-andamkan

Tanda pengantin berseri-seri muka

Kini si dara jelita

Duduk beradat menanti

Bersanggul lintang dan berkebaya panjang

Ramai yang duduk keliling

University of Malaya

Mawar direnjis-renjiskan tanda budaya

Pengantin pun disandingkan

Duduk sejoli megahnya

Di singgahsana badaya

Sanak saudara keluarga bergembira

Semoga berbahagia."

<u>Lagu</u> : Sudah Diinai-inaikan
<u>Penyanyi</u> : A. Ramlie
<u>Keluaran</u> : ? (1983)

"...Betapa sedih betapa pilu

Melihat kau berdua di situ

Bersama duduk di atas takhta

Di hari persandinganmu

Sanak saudara sekalian yang ada

Semua turut bergembira .....

Selamat wahai pengantin baru ....."

<u>Lagu</u> : Di Hari Persandinganmu
<u>Penyanyi</u> : Yunizar
<u>Keluaran</u> : Polygram (1982)

"...Pelamin telah pun ku tempah

Kita akan bersanding dengan penuh meriah

Disaksikan saudara dan teman dan para undangan....."

<u>Lagu</u> : Untuk Nusa Bangsa
<u>Penyanyi</u> : Gingerbread
<u>Keluaran</u> : ? (1983)

"...Kawan semua dah kawin

Bergambar atas pelamin

Tanda bersatu dua pengantin

University of Malaya

Bunga rampai di tabur....." <u>Lagu</u> : Zapin Mungkir Janji

<u>Penyanyi</u> : Daud Kilau

<u>Keluaran</u> : ? (1982)

Dari contoh-contoh di atas, dapat diketahui bahawa adanya adat berinai (iaitu, memerahkan kuku dan jari dengan menggunakan daun pokok inai) dan berandam (iaitu, memepat dan mengatur rambut) dan adat-adat ini adalah adat Melayu yang dilakukan di hari persandingan. Juga ada rujukan mengenai adat bersanding di atas pelamin (yang dirujuk sebagai 'singgahsana' dan 'takhta') dengan direnjis-renjis bunga mawar dan ditabur dengan bunga rampai. Kita dapat ketahui bahawa ini merupakan satu adat yang penting dan penuh meriah kerana segala saudara-mara, sahabat dan lain-lain yang dijemput akan hadir untuk menyaksikan adat ini.

Juga, tidak kurang pentingnya dalam kandungan senikata-senikata lagu-lagu ialah kepercayaan atau pegangan pada ugama. Penggambaran unsur-unsur ugama dalam senikata-senikata lagu tidak menghairankan, memandangkan bahawa masyarakat kita menaruh kepercayaan dan kepentingan kepada ugama. Maka, didapati juga dalam senikata-senikata lagu, satu pegangan yang kuat kepada ugama. Misalnya, doa diminta dari Tuhan bila melakukan sesuatu atau ketika hendak pergi jauh, seperti mana dalam lagu-lagu 'Untuk Nusa Bangsa', 'Sepotong Doa Untuk Ayah', 'Nyanyian Pantai Timur', 'Kekasihku Perwira Negara', 'Zaharah', 'Demi Cinta Ini', 'Belada Si Pengemis', 'Satu Kapal Dua Nakhoda' dan 'Cari Makan'.

Juga, dilihat betapa kuatnya pegangan kepada ugama bila diminta Tuhan mengampunkan dosa atau memberi petunjuk. Misalnya,

"...Oh Tuhan, berikanlah daku
Taufik dan hidayah
Dari ternoda debu cinta
Oh Tuhan pimpinlah daku
Ke Jalan Reda
Semoga Selamat bahagia
Hingga akhir hayatku
Tetapkanlah imanku."

<u>Lagu</u> : Insan Ternoda
<u>Penyanyi</u> : Rafeah Buang
<u>Keluaran</u> : Polygram (1983)

"...Oh Tuhan, ampunilah daku
Yang meniti hidup penuhi dosa
Oh Kawan dengarlah pengakuanku
Hidup sebagai penyeluk saku
Dari itu hindari caraku
Untuk kebahagiaan kita bersama."

<u>Lagu</u> : Pengakuan Penyeluk Saku
<u>Penyanyi</u> : Sam Rasputin
<u>Keluaran</u> : Polygram (1983)

"Dialah gadis jalanan....
Siang malam dia memburu dosa
Pada sang masa yang tak menjangka
Kerana pernah dulu dikeciwakan
Oleh sang kekasih yang kejam
Kini mangsa mu terharu
Di atas perbuatanmu

University of Malaya

Yang penuh dengan cinta yang palsu
Pulanglah gadis jalanan
Ke pangkuan suruhan Tuhan
Moga dosa di kau diampunkan." <u>Lagu</u> : Gadis Jalanan
<u>Penyanyi</u> : Alleycats
<u>Keluaran</u> : Polygram (1983)

Pegangan kuat kepada ugama ini juga jelas bila Tuhan dilihat sebagai pencipta alam sebagaimana dalam lagu 'Usah Turutkan', 'Air dan Api', 'Malam Bulan di Pagar Bintang', dan 'Wajah Desaku'. Ada dikatakan bahawa,

"...Dunia luas terbentang
Ciptaan Tuhan
Pandangilah hari depan
Dengan harapan...." <u>Lagu</u> : Usah Turutkan
<u>Penyanyi</u> : Noreen Noor
<u>Keluaran</u> : CBS (1983)

"...Malam Bulan di pagar bintang
Tambah seri cuaca malam
Murni sungguh ciptaan Tuhan
Bulan bintang lampu alam...." <u>Lagu</u> : Malam Bulan di Pagar Bintang
<u>Penyanyi</u> : Herman Tino & Zaleha Hamid
<u>Keluaran</u> : EMI (1983)

Juga segala yang berlaku dalam hidup dilihat sebagai ditakdir dan di luar kebolehan dan kesanggupan manusia. Misalnya, dalam lagu-lagu

'Bujang Kembali Membujang', 'Bersama Pertemuan Ini', 'kebahagiaan', 'Usah Turutkan' yang mana dikatakan,

"...Ikatan cinta terjalin indah
Impian murni ku pun menjadi nyata
Jodoh pertemuan di tangan Yang Esa
Apa yang terjadi
Adalah ditakdirkan jua
Dengan rasa syukur
Ku menyambutnya....."

Lagu : Kebahagiaan
Penyanyi : The Unwanted
Keluaran : CBS (1983)

"...Insafi diri, bukan kau seorang saja
Yang mengalami suka dan duka bercinta
Lumrahnya alam manusia hanya merancang,
Tuhan tentukan."

Lagu : Usah Turutkan
Penyanyi : Noreen Noor
Keluaran : CBS (1983)

Tambahan lagi, pegangan yang kuat kepada ugama dipaparkan melalui huraian tentang perasaan cinta kepada Tuhan, yang dianggap yang paling berkuasa dan juga pencipta alam, seperti mana di bawah.

"Oh benarkah apa yang dikata
Cinta boleh berubah bagi
Ada cinta buta
Ada cinta cinta
Ada cinta sehidup semati
Cintaku kini
Hanyalah satu

Pada ia yang maha kuasa
Pencipta alam
Yang luas terbentang
Tiada bandingan
Ku meniti jalan yang benar
Ku memuji alam semesta
Ku mengharungi lautan luas
Bagai burung terbang melayang
Oh inilah ia cinta sejati
Cinta hamba pada Yang Esa
Sungguh suci sungguh murni
Padamu oh Tuhanku."

Lagu : Cinta Oh Cinta
Penyanyi : Blues Gang
Keluaran : WEA (1982)

Di samping nilai-nilai, adat-adat resam dan adat-adat istiadat serta kepercayaan, gambaran masyarakat juga tidak ketinggalan kepentingannya. Dalam senikata-senikata lagu-lagu yang dikaji, ada pelukisan masyarakat kita yang berbilang kaum dan penggambaran keadaan di desa dan kota. Di satu pihak, diberi satu gambaran pemandangan di desa dengan sawah-sawah, kerbau-kerbau dan kehidupan yang senang. Di pihak yang lain, diberitahu bahawa keadaan sudah berubah. Walaupun, adanya sawah-sawah padi, namun keadaan yang sunyi dan sepi terbentang di sekeliling kawasan sawah, sebagaimana berikut.

"...Berubah wajah desaku kini
Taliair merentang sawah

Kuning padi mengilau mata
Jentera di bendang petani berdendang.....
Tiada lagi anak-anak bermain di sungai
Tak ku dengari kemerduan tiupan serunai....."

Lagu : Wajah Desaku
Penyanyi : D.J.Dave
Keluaran : EMI (1982)

"...Sawah lebar, kerbau banyak.....
Sunyi sepi tak ado orang.....
Mesin padi tak ado lagi
Ramai orang dah kerja kilang....."

Lagu : Apo Nak Dikato
Penyanyi : Blues Gang
Keluaran : WEA (1982)

Selain dari memberi gambaran pemandangan di sawah, ada juga diberitahu tentang keadaan di kawasan nelayan dan keadaan di bandar, iaitu,

" Wajah laut dan perahu tua
Adalah rakan setia hidupku.....
Ombak Laut Cina Selatan
Adalah suara tangisanku
Seorang nelayan kecil
Memperjudikan hidup.....
Ikan dan camar lebih bererti
Trajedi hidup kami.....
Laut negeri di bulan Disember
Ada kalanya lebih bersimpati
Kerana mengambil diri melimpah rezeki.....
Tapi subuh pantai berselimut sepi
Menanti berita mati dari saujana lautan."

Lagu : Nyanyian Pantai Timur
Penyanyi : Harmoni
Keluaran : ? (1982)

"...Berbagai-bagai yang boleh kita lihat
Desa nan permai dengan sawah ladang
Gunung-ganang, kuning hijau dedaunan
Ada dara manis sedang menjemur kain
Anak kecil di atas kerbau melambai-lambai
Laju-laju kehidupan di ibukota
Kalau selalu lambat takkan ke mana-mana
Kiri kanan jalan, jentera berdesakan....." <u>Lagu</u> : Express Rakyat
<u>Penyanyi</u> : Kembara
<u>Keluaran</u> : Polygram(1982)

Seringkali, dalam perbandingan desa dan kota dalam senikata lagu, desa digambarkan masyarakat yang 'ideal', damai dan sebagainya, dibandingkan dengan kota yang penuh dengan kekejaman, ketidakadilan dan sebagainya. Namun demikian, diperhatikan bahawa masih lebih banyak orang yang tinggal di kota. Jadi, ini mencerminkan anggapan bahawa apa yang menjadi 'ideal' itu tidak semestinya apa yang diamalkan atau 'real'.

Sebagaimana yang dikatakan, adanya sedikit-sebanyak penggambaran masyarakat kita yang berbilang kaum bila dikatakan,

"Fajar telah menyinsing
Ku harus bangkit segera
Untuk memulakan kerja
Aku menjual suratkhabar
Dari bermacam syarikat — <u>Lagu</u> : Penjual Suratkhabar
Dan bermacam bahasa....." — <u>Penyanyi</u> : Kembara
<u>Keluaran</u> : Polygram (1982)

University of Malaya

Unsur patriotisme yang disampaikan dalam lagu-lagu, kebanyakan adalah sebagai sampingan sahaja, yakni, bukan seluruh lagu yang menumpukan kepada soal cinta pada negara (telah diterangkan dalam bab 4). Tetapi, ada juga lagu yang mana keseluruhan temanya adalah bertumpu pada unsur ini. Misalnya, lagu 'Harum Kasturi' (kategori 'Lagu bercorak Situasi'),

"...Di bumi nyata berguguran bunga-bunga
Kebanggaan dan sanjungan negara
Angin pun bertiup kencang terasa kehilangan
Tangisan alam mencurah membasah
Rerumput hijau kuning layu kegersangan
Petanda gugur satria perkasa
Baktimu pada negara dengan mentandang senjata
Ku kalungkan kepadamu
Harum Kasturi
Berguguran bunga-bunga menyemaikan benihnya
Jatuh satu bercambah sejuta
Teringat aku akan kata pepatah lama
Biar putih tulang jangan putih mata." <u>Lagu</u> : Harum Kasturi

<u>Penyanyi</u> : New Faces

<u>Keluaran</u> : WEA (1983)

Dari contoh-contoh senikata-senikata lagu yang diberikan, maka adalah berpatutan untuk mengatakan bahawa senikata-senikata lagu menggambarkan unsur-unsur budaya dan masyarakat dalam mana mereka dihasilkan. Ciri-ciri budaya, yakni nilai-nilai, adat-adat resam dan adat-adat istiadat, kepercayaan atau pegangan kepada ugama serta

gambaran masyarakat secara fizikal, dan juga unsur patriotisme dan pantun, peribahasa dan simpulan bahasa, kesemuanya di bayangkan dalam senikata-senikata lagu. Ini, sesungguhnya, menyokong keterangan Bowra, yang mengatakan bahawa lagu dibentuk oleh keadaan-keadaan ekonomi dan sosial dalam mana ia dilahirkan dan oleh keperluan-keperluan di mana ini dibentuk dalam diri manusia. Perkaitan senikata-senikata lagu dengan persekelilingan adalah jelas dalam kajian ini. Jadi, adalah juga wajar untuk kita memperkatakan bahawa lagu-lagu yang dihasilkan itu bukan sekadar boleh menghiburkan hati, namun berfungsi menyampaikan satu imej budaya dan masyarakat.

Kenyataan bahawa lagu-lagu ini adalah lagu-lagu yang popular, samada menjadi pilihan ramai melalui permintaan lagu-lagu dari siaran radio atau melalui pembelian rekod, menunjukkan bahawa senikata-senikata lagu mempunyai kepentingannya kepada pendengar-pendengar. Yang dimaksudkan di sini, ialah bahawa makna dan unsur-unsur budaya dan masyarakat yang terkandung dalam senikata-senikata lagu membawa erti kepada pendengar-pendengar.

Secara tidak langsung, penggambaran unsur-unsur budaya dan masyarakat mengemukakan bahawa pencipta-pencipta lagu adalah terkongkong kepada nilai-nilai, kepercayaan atau pegangan ugama, adat-adat resam dan istiadat dan lain-lain tingkahlaku dan norma yang diwarisinya melalui proses sosialisasi. Ini boleh berlaku secara disedari atau tidak. Pengertiannya ialah bahawa pencipta-pencipta senikata-senikata lagu mungkin sengaja memasukkan unsur-unsur ataupun

University of Malaya

menyelitkan unsur-unsur budaya dan masyarakat ini dengan tidak disedari. Walau bagaimana pun, tidak dapat kita menafikan bahawa sememangnya, pencipta-pencipta senikata-senikata tidak boleh bebas dari jaringan budaya dan masyarakat.

## 4.2 PERANAN RTM DALAM PENGEKALAN BUDAYA DAN MASYARAKAT

Pengharaman lagu-lagu oleh pihak RTM, secara langsung, berfungsi mengekalkan dan menggalakkan penggambaran unsur-unsur budaya dan masyarakat negara kita dalam senikata-senikata lagu. Lagu-lagu yang mana didapati bertentangan dengan nilai-nilai, pegangan ugama dan lain-lain norma, diantara lainnya, di larang dari disiarkan melalui radio.

Satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan (sejak 1959) untuk tujuan-tujuan mengawal dan mengharamkan lagu-lagu. Jawatankuasa ini sebagai sebahagian dari Jabatan Penerangan kerajaan berhak untuk menilaikan sebarang lagu bersesuaian dengan

a. satu arahan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai bahan-bahan bercetak yang diharamkan. Ini termasuk lagu-lagu dari negara-negara Komunis dan lagu-lagu yang bersifat subversif.
b. Kepatuhan kepada segala undang-undang dalam Malaysia dengan merujuk kepada 'defamation' dan 'libel'.
c. mempastikan bahawa kesemua lagu-lagu yang disiarkan adalah sesuai dengan sebuah masyarakat yang berbilang kaum dengan ugama-ugamanya yang berbagai serta penduduk-penduduknya yang dari umur yang berlainan.
d. mempastikan bahawa lagu-lagu yang disiarkan tidak mengandungi faktor-faktor yang boleh menjejas pertumbuhan budaya Malaysia.

e. melindungi kepentingan seniman-seniman tempatan yang bergantung kepada industri musik untuk pencarian mereka.

f. mempastikan bahawa kualiti rekod-rekod atau pita-pita atau 'cartridges' adalah sesuai untuk disiarkan (selari dengan kehendak-kehendak teknikal dan 'scheduling'.

Di bawah adalah di antara alasan-alasan bagi mengharamkan lagu-lagu:-

1. Rakaman yang tidak jelas dan mengandungi lebih 'noise' kepada 'signal ratio'.
2. Nyanyian yang sumbang.
3. Permainan musik yang sumbang.
4. Senikata yang menghairah.
5. Senikata yang tidak bersopan.
6. Senikata yang mengagungkan kebudayaan liar seperti 'hippyism', 'promiscuity', 'free love', dadah dan sebagainya.
7. Rentak yang mencerminkan kebudayaan liar, seperti 'disco', 'heavy rock' dan 'punk rock'.
8. Senikata yang menghina ugama.
9. Senikata yang mengagungkan agama-agama lain dari Islam seperti 'Here Rama, Here Krishnan' dan setengah-tengah lagu Indonesia, yang nyata tentang maksud ketuhannya, seperti Christ dan Mahadewata.
10. Senikata yang mengagungkan negara-negara lain seperti 'Bangawan Solo', 'I love Paris', 'London Town', 'Springtime in New York', 'Waltzing Mathilde', 'Mother India', 'Yangtze in Spring Yellow River' kecuali tempat-tempat suci Islam.

Dapat diperhatikan bahawa enam dari sepuluh alasan-alasan yang disenaraikan memberi penekanan kepada senikata-senikata lagu. Ini sekali lagi menunjukkan kepentingan senikata-senikata lagu. Juga, lagu-lagu yang popular yang menjadi kegemaran orang ramai, seperti yang dikaji, menunjukkan selera pendengar memilih lagu-lagu yang selaras dengan kehendak atau hasrat kerajaan. Ini nyata kerana tidak satu pun lagu popular dari syarikat perakaman dan penerbitan lagu (yang tidak disiarkan melalui radio) yang didapati melanggar mana-mana satu dari enam penekanan pada senikata-senikata di atas.

Langkah-langkah pengharaman lagu-lagu yang mana senikata-senikatanya bertentangan dengan unsur-unsur budaya, akan mempastikan bahawa hanya lagu-lagu yang mempaparkan budaya dan masyarakat negara kita yang diterima dan dikekalkan.

BAB 6

# KESIMPULAN

Keseluruhan kajian ini telah dijalankan berasaskan dua tujuan utama, yakni, yang pertamanya, ialah untuk menunjukkan kategori jenis lagu mana yang paling digemari oleh orang ramai. Keduanya, ialah untuk mengetahui samada senikata-senikata lagu mencerminkan unsur-unsur budaya dan masyarakat Malaysia, secara amnya.

Dari data-data yang diperolehi, lagu-lagu yang diminati ramai dapat dikumpulkan ke dalam 5 kategori, yakni, 'Lagu Cinta', 'Lagu bercorak Situasi', 'Lagu Nasihat', 'Lagu Gembira' dan 'Lagu Sedih' (mengikut kepopularan). Seterusnya, kategori 'Lagu Cinta' itu sendiri boleh dibahagikan kepada 4 kumpulan kecil dengan 'Lagu Cinta Keciwa/Sedih' sebagai kumpulan yang tertinggi kepopularannya dengan diikuti oleh 'Lagu Cinta Harapan', 'Lagu Cinta Rindu' dan akhir sekali, 'Lagu Cinta Bahagia'.

Yang menjadi tumpuan utama dalam kajian ini ialah bahawa senikata-senikata lagu yang dikaji itu memang menonjolkan unsur-unsur budaya dan masyarakat kita. Ini terbukti dari nilai-nilai, ugama, adat-adat resam dan adat-adat istiadat, keadaan fizikal masyarakat, sifat patriotisme serta penggunaan pantun, peribahasa dan simpulan bahasa. Kenyataan-kenyataan ini menyokong teori bahawa latarbelakang keadaan masyarakat (ekonomi, sosial, ugama dan sebagainya) membentuk corak sesebuah lagu.

Kategori-kategori lagu serta unsur-unsur budaya dan masyarakat yang terkandung dalamnya mempunyai implikasi-implikasi tertentu. Keseluruhan lagu-lagu dalam kategori-kategori itu didapati menepati citarasa semua pendengar. Bolehlah kita katakan bahawa 'Lagu Cinta', iaitu kategori yang paling popular, adalah ditujukan kepada golongan muda-mudi. Ini adalah kerana kekeciwaan, kesedihan, harapan, kerinduan dan kegembiraan dalam percintaan merupakan keadaan-keadaan yang biasa dan sering dialami oleh golongan ini. Jadi, tidak hairanlah mengapa lagu-lagu mengenai cinta paling banyak dipasarkan memandangkan bahawa kebanyakan pendengar berada dalam lingkungan umur yang muda.

Namun demikian, golongan yang tua tidak juga diabaikan. Lagu-lagu nasihat dan lain-lain lagu dalam kategori lain yang mana mengandungi unsur-unsur ugama atau memaparkan sifat tradisional, seperti mengandungi pantun, peribahasa dan simpulan bahasa merupakan lagu-lagu kegemaran golongan yang tua. Juga, tidak diketepikan adalah golongan yang berada dalam lingkungan umur di antara golongan muda-mudi dengan golongan tua, yang mana lebih matang dan serius tetapi tidak kolot dari segi pemikiran. 'Lagu Sedih' serta lagu-lagu yang mengandungi unsur-unsur patriotisme atau menggambarkan keadaan masyarakat adalah menjadi minat golongan ini.

Kepentingan senikata-senikata lagu tidak harus dipandang sepi memandangkan bahawa lagu-lagu popular adalah menjadi tumpuan, terutama, kepada pendengar-pendengar muda-mudi yang mudah terpengaruh. Dengan demikian, langkah-langkah yang berpatutan harus diambil agar lagu-

University of Malaya

lagu yang diputarkan tidak mengandungi unsur-unsur yang tidak sesuai. Beberapa aspek harus dilihat dalam usaha untuk mempastikan bahawa hanya lagu-lagu tertentu yang diputarkan.

Kepentingan kategori-kategori lagu harus dipertimbangkan. Dari kajian ini, dapatlah diketahui bahawa 'Lagu Cinta' membentuk sebahagian besar dari lagu-lagu yang diminati ramai dengan 'Lagu Cinta Keciwa /Sedih' sebagai yang paling popular di kalangan lagu-lagu cinta. Lagu-lagu cinta bukannya satu-satu jenis lagu sahaja yang baik untuk golongan muda-mudi kerana lagu-lagu seperti ini tidak mempunyai faedah yang tinggi dari segi pendidikan. Namun demikian, kita tidak boleh mengharamkan lagu-lagu ini begitu sahaja kerana penulisan sesebuah lagu bergantung kepada mekanisma pasaran.

Jadi, adalah di luar dari keupayaan kita untuk menentukan mana kategori lagu yang harus dicipta. Yang hanya dapat dilakukan ialah untuk menggalakkan penyelitan nilai-nilai yang boleh membentuk keperibadian yang baik serta yang selari dengan budaya dan masyarakat kita. Bagi lagu-lagu cinta, pencipta-pencipta senikata boleh memasukkan tema-tema tentang cinta yang benar, murni dan yang bukan berdasarkan perhubungan yang 'superficial' atau jenis perhubungan lain yang tidak dikehendaki. Dengan itu, nilai-nilai yang sesuai dan berlandaskan unsur-unsur budaya dan masyarakat dapat disemaikan dalam diri pendengar. Juga, dengan sendirinya, unsur-unsur budaya dan masyarakat kita dapat dikekalkan.

Campurtangan dari pihak kerajaan adalah penting dalam mengawal senikata-senikata lagu yang mempunyai nilai-nilai yang tidak sesuai atau melanggar nilai-nilai dan aspirasi negara kita. Tanpa adanya campurtangan ini, segala usaha ke arah mengekalkan unsur-unsur budaya dan masyarakat dan mengawal penyebaran nilai-nilai yang bertentangan dengan nilai-nilai dalam negara kita tidak akan berjaya. Jadi, langkah-langkah pengharaman lagu-lagu yang dijalankan oleh pihak kerajaan dan garis-garis panduan yang terdapat memang wajar.

Walau bagaimana pun, didapati bahawa langkah-langkah yang diambil tidak ketat dari segi perlaksanaannya. Pertamanya, garis-garis panduan yang dibentuk adalah ditujukan kepada lagu-lagu yang hendak disiarkan melalui radio dan talivisyen sahaja. Dengan yang demikian, walaupun sebuah lagu itu, tidak selari dengan garis-garis panduan, ia kedengaran juga oleh orang ramai melalui sumber-sumber lain. Justeru itu, pemasaran dan permintaan untuk sesebuah lagu tetap ada selagi lagu itu diminati ramai, sungguhpun kandungan lagu itu tidak sesuai. Jadi, harus diperluaskan lagi pengharaman dan pengawalan untuk meliputi lain-lain sebaran. Arahan-arahan bertulis harus dihantar kepada pihak-pihak swasta yang menerbit dan merakam lagu-lagu. Ini adalah kerana kebanyakan dari syarikat-syarikat perakaman lagu masih belum jelas tentang kriteria-kriteria dalam penulisan lagu (New Straits Times, 9 April 1983).

Keduanya, dalam melaksanakan pengharaman dan pengawalan lagu-lagu itu sendiri dapat dikesan bahawa adanya kawalan yang tidak sem-

purna bila penerbit-penerbit rancangan masing-masing membawa masuk rekod-rekod mereka sendiri dan memutarkannya tanpa diteliti oleh jawatankuasa terlebih dahulu. Ini diakui oleh Tuan Haji Mokhtar Daud sendiri, yang merupakan Pengarah Penyiaran (NST, 9 April, 1983). Walau bagaimana pun, ini tidak dapat dielakkan memandangkan bahawa terdapatnya banyak bahagian-bahagian dan jabatan-jabatan serta pengurusan bahagian Radio dijalankan selama 24 jam setiap hari.

Dengan tercapainya objektif-objektif yang terdapat dalam kajian ini, iaitu dengan diketahui mana kategori lagu yang diminati ramai dan juga bahawa senikata-senikata lagu memang mempertunjukkan unsur-unsur budaya dan masyarakat, maka lagu-lagu harus diambil berat lagi. Ini adalah untuk mempertahankan lagu sebagai satu alat komunikasi yang bukan sahaja berupaya menyampaikan satu imej budaya dan masyarakat tetapi juga untuk mengekalkan unsur-unsur ini.

Malangnya, penulis tidak dapat membuat kajian yang meliputi perspektif yang lebih luas dan mendalam lagi kerana masa yang terhad dan kekurangan pengalaman. Walau bagaimana pun, adalah diharapkan bahawa latihan ilmiah ini telah memberi satu penilaian dan gambaran yang lengkap mengenai senikata-senikata lagu dari segi pengklasifikasian jenis-jenis lagu dan unsur-unsur budaya dan masyarakat melalui senikata-senikatanya. Juga, diharapkan bahawa langkah pertama ke arah membuat kajian ke atas lagu-lagu akan membolehkan dan menggalakkan lebih banyak kajian dijalankan dengan lebih mendalam lagi dalam bidang ini.

************************

University of Malaya

BIBLIOGRAFI

BAILEY, K.D. METHODS OF SOCIAL RESEARCH (Free Press, New York, 1978)

BOWRA, C. M. PRIMITIVE SONG (Weidenfield & Nicolson, London, 1898)

BOAS, FRANZ PRIMITIVE ART (Dover Publication, New York, 1955)

GERBRANDS, A.A. ART AS AN ELEMENT OF CULTURE, ESPECIALLY IN NEGRO-AFRICA (Rijksmuseum voor Volkenkunde, Leiden, Holland, 1957)

MERRIAM, A. P. THE ANTHROPOLOGY OF MUSIC (Northwestern University Press, 1923)

ROBERTSON, I. SOCIOLOGY (Worth Publishers, Inc., New York, 1977)

NEW STRAITS TIMES 9 April, 1983

*********************

University of Malaya